

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 122 ● 2 - 8 JULAI 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

SEBARAN UMUM

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

## PEMULIH bersifat komprehensif supaya tiada yang tercicir

TIDAK dinafikan, tekanan yang dihadapi akibat masalah kewangan dan kesukaran hidup berupaya mendorong seseorang individu mengambil jalan singkat dengan membunuh diri.

Malah, tidak kurang juga yang menyangkakan dengan perbuatan itu, keluarga mereka bakal menerima pampasan kematian daripada syarikat insurans walhal ia tidak mungkin membantu sebaliknya terus

menyukarkan kehidupan pewaris.

Bagaimanapun, rata-rata rakyat Malaysia menarik nafas lega apabila Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihian Ekonomi (PEMULIH) dalam situasi yang semakin mendesak ini.

Ini kerana, pakej berjumlah RM150 bilion itu bersifat komprehensif dan melibatkan semua pihak termasuk

mereka yang berada di kelompok pertengahan, kumpulan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pekerja sendiri.

Malah, industri seni dan kreatif yang sering mendakwa mereka terpinggir daripada setiap bantuan kerajaan terutama dalam tempoh penularan COVID-19 ini turut diberi peruntukan khas sebanyak RM100 juta.

Menerusi pengumuman PEMULIH

baru-baru ini, Muhyiddin turut menyatakan, ia adalah kesinambungan daripada tujuh program bantuan serta pakej rangsangan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM380 bilion yang dilaksanakan kerajaan Perikatan Nasional sejak pandemik COVID-19 melanda negara, awal tahun lalu.

**BERITA LANJUT DI MUKA 3, 5 DAN 21**

## Sedia bantuan kesihatan mental



MENTERI Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa mengadakan perbincangan bersama para pakar, kaunselor, pensyarah, guru, NGO serta individu-individu mengenai isu kesihatan mental pada petang Khamis. Kementerian Wilayah Persekutuan akan mengambil input-input ini untuk tindakan selanjutnya secepat mungkin.

PELBAGAI usaha dilakukan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat terpelihara, namun dalam tempoh genting masa ini pastinya ia kelihatan sukar.

Melihatkan kesan yang berpanjangan termasuk peningkatan jumlah kematian akibat bunuh diri, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa tampil dengan inisiatif tersendiri di samping menjayakan Pelan Pemulihan Negara seperti yang diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini.

Memberi fokus kepada bantuan kesihatan mental, menurut Annuar, kementeriannya akan berganding bahu bersama-sama individu mahupun sukarelawan dan pertubuhan

bukan kerajaan (NGO) bagi melancarkan beberapa inisiatif baharu termasuk khidmat Sahabat Kesihatan Mental.

Selain itu, katanya, antara yang akan dilaksanakan bermula 15 Julai ini adalah mewujudkan dapur prihatin (berpusat) bagi membolehkan makanan percuma disalurkan kepada gelandangan, fakir, petugas barisan hadapan, musafir dan individu yang tidak berkemampuan menerusi penyediaan 1,000 bungkuskan setiap hari.

“Kepada sesiapa yang berminat dan ingin turut membantu terutama sekali kategori kesihatan mental boleh menghubungi Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Ain di talian 017-447 7423,” ujarnya.

**BERITA LANJUT DI MUKA 3 DAN 20**

## Parkir bahu jalan Kuala Lumpur percuma

SEAJAR langkah prihatin rakyat yang diusahakan kerajaan masa ini, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa mengumumkan tempat letak kendaraan di bahu jalan Kuala Lumpur adalah percuma sehingga 31 Ogos nanti.

Jelas beliau, tindakan itu bertujuan membantu warga kota memanfaatkan kewangan yang ada untuk membeli barang keperluan.

“Saya bersetuju mulai esok (2 Julai) sehingga 31 Ogos, semua tempat letak kereta bahu jalan (road side parking) dalam kawasan bandaraya Kuala Lumpur adalah percuma.

“Pengguna tidak perlu bayar apa-apa dan diharap penjimatan itu dapat digunakan untuk membeli barang keperluan keluarga,” ciapnya di Twitter rasminya pada Khamis.

Trend jangkitan yang tinggi dorong pelaksanaan

# PKPD Kuala Lumpur, Selangor 14 hari

NAZWIN NAZRI

**B**EBERAPA lokality di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) selama 14 hari, mulai 3 hingga 16 Julai ini.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan itu turut melibatkan 34 mukim di Selangor.

Jelas beliau, keputusan itu dibuat selepas Kementerian Kesihatan (KKM) membuat pembentangan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai situasi COVID-19 di kedua-dua negeri tersebut.

"Kedua-dua negeri ini menunjukkan trend jangkitan yang tinggi. Selangor melaporkan purata kes harian COVID-19 antara 1,800 ke 1,900.

"Manakala di Kuala Lumpur purata kes harian adalah dalam lingkungan 600 ke 1,000. Kesemua daerah di Selangor dan Kuala Lumpur melaporkan insiden kes jangkitan melebihi 12.1 per



PKPD akan dilaksanakan selama 14 hari di beberapa lokality di Kuala Lumpur dan mukim-mukim Selangor.

100,000 penduduk," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Ismail Sabri berkata, data un-juran kadar nilai kebolehjangkitan (R-naught) di kedua-dua negeri tersebut masih dalam lingkungan

1.0 dan tidak menunjukkan trend penurunan.

"Situasi ini adalah membimbangkan apabila mengambil kira kepadatan penduduk dan penularan tiga varian baharu yang lebih ganas



iaitu varian Beta B.1.351 (Afrika Selatan), Delta B.1.617.2 (India) dan Alpha B.1.1.7 (UK)," ujarnya. Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan, kerajaan akan mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang dan premis perniagaan berikutnya terlalu banyak pelanggaran arahan serta prosedur operasi standard diwarta-kan. **WK**

## Rakyat tarik nafas lega, sambut baik PEMULIH

RATA-RATA masyarakat Malaysia sambut baik Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini.

Bagi mereka inisiatif baharu itu sedikit sebanyak membantu meringankan beban kewangan dan kehidupan yang semakin mendesak pada masa ini.

Pembantu Tadbir, Umar Basyir Ahmad Paiman, 25, berkata, PEMULIH dilihat sebagai bantuan sara hidup rakyat yang sangat efektif pada masa ini khususnya kepada golongan B40 dan individu terjejas pendapatan.

"Bantuan sara hidup ini sangat membantu mereka yang terjejas untuk menyara kehidupan dalam keadaan ge-ter sekarang.

"Bantuan seperti moratorium dilihat dapat memudahkan mereka yang sedang menanggung banyak beban ke-wangan. Pada masa samamereka terlibat dapat merancang semula kewangan untuk digunakan membeli keperluan," katanya ketika dihubungi Wilayahku.




DOYAH

Sementara itu, suri rumah, Doyah Kassim, 64, memberitahu, inisiatif terkini itu turut memberi manfaat kepada ibu tunggal sepertinya.

Katanya yang semata-mata ber-gantung kepada hasil persaraan arwah suami, bantuan kewangan untuk golongan B40 yang diperuntukkan kerajaan membolehkannya membeli barang keperluan harian.

"Anak-anak tidak dapat mem-beri duit sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini kerana



MUHYIDDIN ketika mengumumkan PEMULIH pada Isnin lalu.



UMAR BASYIR

Rebat elektrik yang diberikan juga amat membantu," luahnya.

Bagi pekerja swasta, Deraman Mustopa, 30, pula, bantuan moratorium yang diumumkan kerajaan amat membantu namun ia perlu dilaksanakan dengan lebih telus supaya individu yang memo-honnya tidak dibebani dengan faedah tambahan semasa proses pembayaran semula dilakukan. **WK**

mereka juga terjejas. Duit penceh juga tidak banyak.

"Jadi bantuan kerajaan ini dapat membantu saya membeli barang keperluan dapur dan membayar bil utiliti yang diberikan juga amat membantu," luahnya.

Katanya, amatlah perit apabila pemohon terlibat yang turut kehilangan pekerjaan atau menghadapi masalah kewangan, terpaksa menanggung hutang berganda selepas tamat tempoh moratorium.

Pada 28 Jun lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan satu lagi pakej bantuan bernilai RM150 bilion yang diberi nama PEMULIH dan turut merangkumi suntikan langsung fiskal kerajaan sebanyak RM10 bilion.

PEMULIH bertujuan untuk mem-berikan bantuan secara menyeluruh kepada rakyat dan tertumpu kepada tiga fokus utama iaitu meneruskan agenda prihatin rakyat, menyokong perniagaan dan meningkatkan vaksinasi. **WK**

## SOP COVID: Op Patuh bermula esok

PIHAK berkuasa akan menjalankan Operasi Patuh (Op Patuh) secara besar-besaran dan bersepada bermula esok, dengan tumpuan ke atas negeri-negeri yang masih mencatatkan jangkitan harian COVID-19 yang tinggi seperti Selangor dan Kuala Lumpur, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Beliau berkata operasi itu yang melibatkan semua agensi berkaitan dan diketuai oleh ketua polis daerah, akan menyasarkan kawasan perindustrian termasuk tempat penginapan pekerja yang berisiko tinggi berdasarkan pemetaan yang dibuat sebelum ini.

"Tindakan tegas tanpa kompromi akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar SOP serta arahan kerajaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan akta-akta se-dia ada yang lain," katanya pada sidang media selepas mempergerusikan mesyuarat Jawatankuasa Koordinasi Penguatkuasaan dan Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 (JKPS).

Beliau berkata majikan yang didapati melanggar SOP Fasa Satu Kawalan Pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara akan diambil tindakan tegas.

Ini kerana menurut Hamzah pihak berkuasa menerima maklumat ada majikan tidak melaksanakan kuarantin ke atas pekerja yang menjadi kontak kepada kes positif.

"Banyak tangkapan di Selangor dan Kuala Lumpur ini, apabila kita tanyakan, sesetengah daripada pekerja ini maklumkan kepada kita kawan dia dah kena COVID-19 tetapi yang lain tidak dikuarantin.

"Semua maklumat ini kita ambil dan kita buat esok dan kita tangkap dengan majikan sekali kerana bukan hanya telah melakukan kesalahan tetapi mereka benar-benar menyalimi pekerja-pekerja mereka," katanya.

Mengulas lanjut mengenai Op Patuh besar-besaran itu, Hamzah berkata pihak berkuasa akan menggerakkan aset strategik seperti helikopter dan dron serta mengadakan sekat jalan raya bergerak bagi mengelakkan pekerja melarikan diri. - **BERNAMA**

## REAKSI BANTUAN KHAS COVID-19 (PEMULIH)



“SAYA sangat bersyukur di atas keperihatinan kerajaan untuk membantu rakyat yang terkesan melalui PEMULIH.

Bagi saya, sebagai penerima bantuan isi rumah B40, jumlah peruntukan termasuk kategori M40 tidaklah mencukupi untuk menampung perbelanjaan kewangan isi rumah tetapi kita perlu menghargai tindakan kerajaan yang masih berusaha untuk menghulurkan bantuan di saat ekonomi negara tidak stabil akibat COVID-19.”

**AFFIZAH BAHARUDIN, 46,**  
Pengasuh/Suri Rumah



“PADA pendapat saya, tiga fokus utama yang diberikan kerajaan melalui PEMULIH adalah satu inisiatif yang menarik kerana membantu semua golongan yang terkesan misalnya dibuang kerja, dibekukan gaji, tiada pendapatan untuk menampung kehidupan.”

Rakyat perlu menggunakan setiap bantuan yang diberikan sebaiknya dengan mengutamakan keperluan bukan kehendak.”

**SAIFULLAH NOORDIN, 23,**  
Pelajar



“PEMULIH merupakan antara inisiatif kerajaan dalam membantu serta meringankan beban rakyat yang terkesan.”

Bantuan yang diperuntukkan berjumlah RM150 bilion dalam tiga fokus utama sedikit sebanyak memberi manfaat dan pertolongan kepada rakyat dalam mendepani pelaksanaan PKP.”

**KASMAWATI BAHTIAR, 36,**  
Petugas Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Nanding Hulu Langat



“SEBAGAI penerima bantuan golongan bujang, jumlah yang diperuntukkan tidak mencukupi dan sepertunya tiada perbandingan antara kedua-dua golongan B40 dan M40 kerana semuanya menghadapi masalah dan terkesan akibat PKP.”

Kebanyakkannya golongan bujang ada komitmen sendiri dan mereka tidak lagi bergantung kepada ibu bapa.

Saya berharap kerajaan dapat membuka bangunan kerajaan, sekolah untuk dijadikan pusat vaksinasi yang memudahkan orang untuk datang.”

**ASMAHANI HUSSIN, 23,**  
Pelajar



“BAGI saya, tiga fokus utama dalam bantuan PEMULIH bagi membantu rakyat terkesan adalah satu pendekatan atau cara yang sangat baik untuk kelangsungan hidup rakyat Malaysia terutama dalam aspek meningkatkan vaksinasi.”

Jadi saya berharap program vaksinasi dan bantuan yang lain dapat diteruskan untuk semua rakyat Malaysia supaya kita dapat menjalani kehidupan seperti sedia kala.”

**NUR FATEN NAZIERA, 24,**  
Pelajar



“RIBUAN terima kasih diucapkan kepada kerajaan Malaysia kerana memberikan bantuan ini, memandangkan COVID-19 memberi kesan mendalam kepada rakyat khususnya yang telah kehilangan pekerjaan dan pendapatan serta terpaksa melalui kehidupan yang terlalu sukar. Melalui bantuan PEMULIH ini, ia membantu semua golongan termasuk yang berstatus bujang.”

**FADLYSHAM ISMAIL, 53,**  
Penolong Pengurus

## Kerajaan wujudkan inisiatif baharu ringankan beban rakyat terjejas

# Bantuan kesihatan mental

### DARI MUKA DEPAN

**NAZWIN NAZRI**

**M**ENTERI Wilayah Persekutuan menyeru orang ramai termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk terus memainkan peranan penting dalam menyalurkan bantuan kepada kelompok terjejas.

Menerusi catitan ‘Jom bersama melakukan amal makruf, bantu yang memerlukan’ di laman Facebook miliknya, Tan Sri TPr Annuar Musa menyatakan, selain pelbagai bantuan yang telah dan akan terus diberikan kerajaan, peranan NGO serta individu amat penting.

Ini kerana katanya, dalam tempoh kerajaan menjayakan Pelan Pemulihan Negara serta program vaksinasi secara besar-besaran masa ini, pihaknya mendapati ramai rakyat yang terkesan khususnya dari aspek kewangan.

“Jika untuk saudara kita jauh di Palestin dan lain-lain negara kita sanggup membantu serta teruskan membantu, sudah tentu kita boleh berganding bahu membantu saudara-saudara senegara dengan kita yang memerlukan,” luahnya pada Ahad lalu.

Justeru ujar Annuar, bagi tujuan itu, beliau menyuarakan hasrat untuk berganding bahu bersama-sama dengan individu mahupun sukarelawan dan NGO bagi melancarkan satu inisiatif.

Jelas beliau, inisiatif tersebut bertujuan mengadakan khidmat dapur prihatin (berpusat) bagi memberi makanan percuma kepada gelandangan, fakir, petugas barisan hadapan, musafir dan individu yang tidak



berkemampuan dengan menyediakan 1,000 bungkus setiap hari.

Selain itu, katanya, bilik penginapan hotel untuk musafir, kuarantin serta perantau yang tidak berkemampuan akan disediakan dengan konsem BSM (bayar minimum sekadar mampu).

Bagaimanapun, katanya, bagi pelajar mahupun perantau yang tidak mampu membayar, mereka akan diberikan hotel kuarantin secara percuma.

“Kita juga mahu sediakan khidmat Sahabat Kesihatan Mental ‘WE CARE’ dan kaunseling secara peribadi serta sulit kepada

mereka yang memerlukannya.

“Pemberian vaksinasi akan diberikan kepada individu yang kurang upaya, terlantar dan memerlukan khidmat khas,” ujarnya.

### RANGKAIAN FOODBANK

Dalam pada itu, Annuar berkata, pihaknya juga mahu menyediakan perkhidmatan rangkaian ‘foodbank’ dan ‘delivery’ kepada golongan yang benar-benar memerlukan termasuk bantuan khusus untuk membantu pelajar miskin.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, program seumpama itu akan dilaksanakan secara berperingkat bermula 15 Julai ini, berpusat di hadapan Hospital Kuala Lumpur (HKL).

“Manakala bagi lokasi di Jalan Pahang ia akan diumumkan pada 7 Julai ini dan saya dibantu penyelarasannya oleh NGO berdaftar seperti YAYASAN PERMAI, YKK, YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP), Pertubuhan Muafakat Nasional (MN) dan lain-lain lagi.

“Kepada sesiapa yang berminat dan ingin turut membantu terutama sekalii kategori kesihatan mental boleh menghubungi Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Ain di talian 017-447 7423,” ujarnya. **WK**

## PEMULIH beri ruang penggiat seni bernafas

**P**ERUNTUKAN RM100 juta menerusi Paket Perlindungan Rakyat dan Pemuliharaan Ekonomi (PEMULIH) untuk membantu penggiat seni dan kreatif yang terjejas akibat COVID-19 memberi keleongan kepada mereka yang terkesan.

Presiden Persatuan Penerbit Televisyen Malaysia (PPTM) **Datuk Jurey Latiff Rosli** berkata bantuan itu mampu meringankan beban penggiat seni khususnya kru produksi yang kehilangan kerja, selepas sektor itu masih lagi tidak dibenarkan beroperasi.

Katanya, bantuan itu memperlihatkan kerajaan tidak meminggirkan keperluan petugas industri itu yang amat terkesan sejak pandemik tersebut melanda negara tahun lepas.

“Kami amat berterima kasih kepada



JUREY LATIFF

kerajaan dengan bantuan yang diumumkan semalam, malah sebelum ini juga, banyak bantuan yang telah disalurkan sejak tahun lepas.

“Namun, kami harapkan pengagihan bantuan kali ini, dibuat secara lebih menyeluruh kepada semua penggiat seni yang terjejas tidak mengira mereka bekerja dengan syarikat atau secara bebas,” katanya.

Menerusi PEMULIH yang diumumkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Isnin, seramai 8,000 penggiat seni, karyawan, artis, pemuzik, penulis, pelakon, penggiat teater akan menikmati kemudahan pembayaran dan sokongan bantuan kewangan itu.

Peruntukan itu meliputi insentif penghasilan karya dan kandungan digital, peluang kerjaya, program peningkatan ke-

mahiran, caruman perlindungan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) serta perolehan produk bagi tujuan produksi di televisyen, radio dan penciptaan lagu.

Tambah Jurey Latiff, beliau berharap semua agensi serta syarikat produksi yang terlibat dapat memastikan manfaat bantuan itu dinikmati setiap individu yang memerlukan.

Walaupun terdapat bantuan yang disediakan kerajaan, beliau bagaimanapun berharap kerajaan menerima rayuan dan cadangan pihak industri agar aktiviti penggambaran dibenarkan beroperasi dalam tempoh Fasa Satu Kawalan Pergerakan dalam Pelan Pemuliharaan Negara (PPN).

“Bantuan itu memang satu keleongan, tetapi kami memerlukan kerja... bantuan sahaja tidak cukup, kita perlu kerja untuk kelangsungan hidup dan merancakkan kembali ekonomi sektor ini,” katanya. **- BERNAMA**



“PADA pandangan saya, bantuan yang diberikan kepada penggiat industri seni sangat membantu berikutnya para penggiat industri tidak dibenarkan melakukan penggambaran. Tetapi, pihak bertanggungjawab seharusnya melakukan kajian secara terperinci terhadap penggiat industri yang mengalami kesulitan dan terjejas dengan keadaan semasa.”

**MUZAMMER RAHMAN, 33**  
Pengarah, Penulis dan Penerbit Filem



**NORADILLAH MOHD KHAIR, 33**  
Pengusaha Taska

“PENANGGUHAN dan pembayaran secara ansuran bagi peminjam MARA dan PTPTN mempunyai kebaikan dan keburukan yang mana kebaikan penangguhan dapat mengurangkan beban peminjam dan duit tersebut boleh digunakan sebagai tanggungan keperluan bulanan mereka.”

**NUR ZAHIRAH MOHD ZIN, 25,**  
Content Writer Ohbulan

# Video tular: Peniaga telah ditawar lot niaga

AZLAN ZAMBRY

**T**INDAKAN penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh sekumpulan penguatausa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di kawasan sekitar Kompleks Pasar Harian Selayang Kuala Lumpur (PHSKL) bertujuan mengekang aktiviti penjaja tanpa lesen namun tindakan tersebut dirakam sekumpulan penjaja dan menularkannya di laman sosial sehingga menimbulkan fitnah terhadap DBKL.

Unit Medianya dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa notis pemakluman awal kepada penjaja tersebut supaya mengosongkan tapak telah diberikan oleh DBKL pada 27 Mei 2021 lalu.

"Menerusi notis itu, penjaja tersebut diminta mengosongkan tapak dalam tempoh 14 hari. Tindakan penguatausa yang dilaksanakan oleh DBKL pada 24 Jun 2021 adalah untuk mengekang aktiviti penjaja tanpa lesen ini daripada terus berkembang tanpa kawalan.

"Tindakan tersebut bertujuan untuk memastikan tiada



VIDEO yang tular di laman sosial itu menimbulkan fitnah terhadap penguatkuasaan DBKL.

aktiviti perniagaan pasar terbuka berjalan dalam tempoh PKP," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Menurut DBKL, siasatan di tapak juga mendapat aktiviti perniagaan dijalankan oleh warga asing.

"Peniaga tersebut sebelum

ini pernah dikenakan tindakan penguatausaan lebih daripada tiga kali di bawah UUK 3 - Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja WPKL 2016 kerana bermula tanpa lesen dan pada kali terakhir adalah pada 27 Mei 2021.

"Tindakan sita juga pernah

dikenakan terhadap beliau kerana menggunakan pekerja warga asing dan semakan oleh DBKL pada hari operasi dilaksanakan mendapat penjaja yang terbabit dalam video tersebut adalah merupakan penjaja yang telahpun ditawarkan lot di dalam PHSKL," katanya.

Menjelas lanjut, DBKL berkata, alasan yang diberikan dalam video yang tular adalah tidak tepat kerana peniaga tersebut telah ditawarkan lot oleh untuk bermula di dalam PHSKL.

"Tawaran itu dibuat melalui surat yang bertarikh 27 Mei 2021 dan sehingga kini, beliau belum mengemukakan borang maklumbalas permohonan berserta dokumen seperti yang dipohon oleh pihak DBKL," katanya.

Dalam pada itu, DBKL turut memaklumkan bahawa tiada tindakan penguatausaan dilaksanakan pada hari tersebut kerana peniaga itu telah dengan sukarela membuka sendiri khemah-khemah perniagaan miliknya.

Tapak tersebut juga telah dikosongkan serta dalam kawalan serta pemantauan pihak DBKL. WK

## 71 buah Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan sedia Gerobok Rezeki santuni golongan terjejas

**PERINTAH Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang bermula pada 12 Mei lalu menyaksikan ramai dalam kalangan rakyat Malaysia terutama warga Wilayah Persekutuan terkesan sehingga menjadi miskin bandar.**

Justeru itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) **Datuk Mohd Ajib Ismail** berkata, inisiatif Gerobok Rezeki dimulakan semenjak tahun 2019 yang lalu bertujuan membantu orang ramai yang terjejas ketika perlaksanaan PKP.

"Program Gerobok Rezeki dilaksanakan dengan kerjasama masjid dan surau seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan. Walaubagaimanapun ia dijenamakan semula bermula Mac 2020 ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di dalam negara susulan wab-



MOHD AJIB

ak pandemik COVID-19.

"Sehingga kini, sambutan yang diterima amat menggalakkan lebih-lebih lagi dalam tempoh sekatan pergerakan penuh atau total lockdown. Ramai golongan yang terkesan dan memerlukan tampil mendapatkan bantuan yang disediakan dari inisiatif tersebut seperti barang keperluan asas beras, minyak masak, gula, tepung dan lain-lain," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Menurut Mohd Ajib, bagi menjayakan program ini, pihaknya amat mengalui-alukan sebarang kerjasama daripada pelbagai pihak untuk turut sama menyumbang bagi menjayakan misi bantuan ini.

"Untuk projek ini, sebanyak 37 buah masjid, 17 buah surau Jumaat dan 28 buah surau biasa telah menyediakan Gerobok Rezeki un-

tuk dimanfaatkan oleh anak kariah.

"Sementara di Putrajaya pula sebuah masjid, 14 buah surau Jumaat dan 12 buah surau serta Labuan pula membabitkan tujuh buah masjid yang turut serta menyediakan Gerobok Rezeki," katanya.

Beliau berkata, program tersebut turut mendapat kerjasama dari pelbagai pihak termasuk rakan strategik, dari anak-anak kariah atau syarikat yang berhampiran dengan masjid serta dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Dalam keadaan PKP dan kutipan jumaat yang berkurangan kerana jemaah dihadkan, terdapat pengurusan masjid yang mengambil inisiatif mengadakan kutipan atau sumbangan dari para penyumbang atau korporat.

"Selain itu, JAWI Food Bank juga turut memberikan bantuan sedikit sebagai rangsangan untuk penyediaan gerobok rezeki di masjid dan surau," katanya. WK

## CERITA KEDAI KOPI

### Gerobok Makanan Danau Kota

**DALAM** tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini di mana ramai terjejas kehidupan lantaran kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan, sejuk rasa di hati apabila masih ada insan yang sudi memberi bantuan meringankan beban mereka yang dalam kepayahan.

Satu contoh murni ialah usaha yang dijalankan oleh beberapa orang tenaga penggerak di Taman Danau Kota, Setapak, Kuala Lumpur, mewujudkan 'Gerobok Makanan Danau Kota', yang berfungsi mengumpul dan mengagihkan barang makanan kepada mereka yang memerlukan.

Usaha ini dilakukan secara sukarela dan atas inisiatif penduduk sendiri tanpa dorongan atau bantuan pihak lain. Pada peringkat awal, tenaga penggerak inilah yang mengeluarkan belanja sendiri membeli barang untuk diagihkan kepada penerima yang layak sebelum penduduk taman menghulurkan bantuan sebagai sokongan.

Antara barang asas yang disediakan ialah beras, tepung, kicap, sardin, teh, minyak masak, gula, telur, bihun, garam, mi segera dan biskut.

'Gerobok Makanan Danau Kota' yang mula membuka pintu pada 19 Jun lalu akan beroperasi di sepanjang tempoh PKP atau selagi ada bekalan dan permintaan.

Konsep gerobok ini adalah secara terbuka di mana mereka yang memerlukan datang ke lokasi gerobok ini di taman permainan kanak-kanak Taman Danau Kota dan mengambil barang yang diperlukan.

Bagaimanapun untuk memastikan tidak ada yang mengambil kesempatan daripada agihan ini atau datang berulang kali, pihak bertugas memantau dan menapis setiap mereka yang datang. Sewajarnya mereka yang datang berlaku jujur. Datangkan dan ambil sekadar keperluan tanpa melupakan orang lain.

Usaha penduduk Taman Danau Kota ini sememangnya wajar dipuji dan menjadi contoh bagi kelompok masyarakat di tempat lain. Rezeki wajar dikongsikan agar lebih berkat.

### Baitulmal terus hulur bantuan

**BERSYUKURLAH** warga Wilayah Persekutuan yang terkesan akibat pandemik COVID-19, kerana banyak menerima bantuan daripada pelbagai sumber, sama ada dalam bentuk barang atau wang tunai.

Selain bantuan diberikan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sekali lagi membuka permohonan bantuan Zakat Kecemasan COVID-19 PKP 3.0 sejak 15 Jun lalu.

Golongan B40 yang terjejas pendapatan dan tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan layak memohon untuk bantuan zakat kecemasan ini. Bagaimana pun ia tidak merangkumi kelompok yang menerima bantuan kewangan bulanan Baitulmal MAIWP dan penerima bantuan kecemasan COVID-19 PKP 2.0.

Penerima yang berjaya akan menerima bantuan *one off* sebanyak RM500 manakala penerima semasa PKP 2.0 pula bakal mendapat sumbangan yang disalurkan secara automatik. Manakala penerima bantuan kewangan bulanan Baitulmal MAIWP akan menerima bantuan zakat khas sebanyak RM300 secara automatik.

Mereka yang berjaya menerima bantuan zakat kecemasan PKP 3.0 menerima agihan zakat secara beperingkat mulai 15 Jun lalu sehingga 15 Julai, begitu juga penerima bantuan zakat khas.

Bantuan yang diberikan oleh Baitulmal MAIWP ini menyerlahkan sikap proaktif Baitulmal mengagihkan wang zakat, bukan sahaja kepada asnaf yang ditetapkan, tetapi juga mereka yang ditimpakan kesusahan khususnya ketika pandemik yang melanda sekarang.

Diharap para penerima akan menggunakan bantuan yang diberi dengan sebaik-baiknya. Berjimatlah dalam perbelanjaan dan hanya berbelanja yang perlu untuk diri dan keluarga. Simpan juga untuk keperluan masa hadapan. Ingat, tiada siapa yang pasti bila pandemik COVID-19 akan berakhir sepenuhnya.

#### SIDANG REDAKSI

##### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
[azlanaziz@yayasanwp.org.my](mailto:azlanaziz@yayasanwp.org.my)

##### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
[helme.hanafi@gmail.com](mailto:helme.hanafi@gmail.com)

##### PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri  
[nazwinizan@yayasanwp.org.my](mailto:nazwinizan@yayasanwp.org.my)

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry  
[azlanwilayahku@gmail.com](mailto:azlanwilayahku@gmail.com)  
Aini Rosidah Ahmad Mawawi  
[ainiwilayahku@gmail.com](mailto:ainiwilayahku@gmail.com)

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
[khairulwilayahku@gmail.com](mailto:khairulwilayahku@gmail.com)  
Wong Siew Mun  
[wongsiew.mun@gmail.com](mailto:wongsiew.mun@gmail.com)  
Deel Anjer  
[deelanjer@gmail.com](mailto:deelanjer@gmail.com)

#### Syahidi Bakar

[diwilayahku@gmail.com](mailto:diwilayahku@gmail.com)

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
[lemondecaprio@gmail.com](mailto:lemondecaprio@gmail.com)  
Mohd Affandy Annuar  
[affandywilayahku@gmail.com](mailto:affandywilayahku@gmail.com)  
Mohd Fadly Bharudin  
[fadlybharudin@gmail.com](mailto:fadlybharudin@gmail.com)  
Taufik Mohd Pauze  
[kikywilayahku7@gmail.com](mailto:kikywilayahku7@gmail.com)

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan  
[nazirulwilayahku@gmail.com](mailto:nazirulwilayahku@gmail.com)  
Mohd Aminullah Farij Hasan  
[aminwktv@gmail.com](mailto:aminwktv@gmail.com)  
Azly Fariq Ramly  
[azlyfariq@yayasanwp.org.my](mailto:azlyfariq@yayasanwp.org.my)

#### PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan  
[zuhairi@yayasanwp.org.my](mailto:zuhairi@yayasanwp.org.my)  
V Kumar Veeran  
[veeran010@gmail.com](mailto:veeran010@gmail.com)

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
[fatihah@yayasanwp.org.my](mailto:fatihah@yayasanwp.org.my)  
Jumaitul Laily Zakiah Ismail  
[jumaitul@yayasanwp.org.my](mailto:jumaitul@yayasanwp.org.my)  
Nurul Hazwani Haslan  
[nhmm886@gmail.com](mailto:nhmm886@gmail.com)

#### PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre  
Nur Hazirah Mohamed Halim  
Diana Syuhada Mohd Amir  
Muhammad Adib Zailani

# Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)



# Memerangi kemiskinan cara Annuar Musa



DATUK DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

**P**ERANGAN antara negara adalah untuk mengubah peta, tetapi perang melawan kemiskinan adalah untuk memetakan perubahan.” – Muhammad Ali, 2012.

Saya tertarik dengan petikan kata-kata jaguh tinju legenda itu sejak sekian lama. Selain mengagumi ketepatan maksudnya, saya sentiasa berharap akan mempunyai peluang untuk membantu melakarkan peta perubahan dengan cara turut sama berjuang, waima sebagai soldadu biasa, dalam pasukan perang melawan kemiskinan.

Allah mentakdirkan saya berpeluang mencapai impian itu. Sekarang saya menjadi salah seorang soldadu di medan pertempuran melawan kemiskinan dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa bertindak sebagai panglima perangnya.

Menariknya hanya sejurus selepas dilantik menjadi menteri yang diamanahkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Annuar segera mensasarkan kemiskinan sebagai musuh utama.

Fokusnya ke situ, bukannya pada usaha menambah bilangan pencakar langit.

Takdir menentukan hanya kira-kira seminggu selepas kabinet Perikatan Nasional dibentuk, negara terpaksa diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP); suatu perkara baharu yang membawa bersamanya norma-norma baharu, yang sebelumnya tidak pernah dibayangkan oleh sesiapa.

Seluruh negara terkunci. Hampir segalanya kaku dan mati. Kecuali petugas barisan hadapan, semua yang lain seolah-olah hilang haluan dalam menghadapi situasi luar biasa itu.

Tetapi musibah itu ada rahmatnya. Ia memberi peluang untuk kita melihat apa yang sebelumnya mungkin tidak kelihatan.

Di Kuala Lumpur, antara contoh mudahnya adalah kelompok gelandangan. Dalam situasi biasa mereka tenggelam dalam kesibukan dan kekalutan kota.

Tetapi apabila PKP dikuatkuasakan, apabila hampir semua premis ditutup dan semua jalan menjadi lengang, kewujudan mereka tampak dengan ketara.

**“Selain daripada itu Annuar juga memperkenalkan inisiatif Usahawan Anak Muda Kota yang memberikan peluang kepada anak-anak muda di Wilayah Persekutuan yang kehilangan mata pencarian kerana kehilangan pekerjaan untuk menceburi bidang keusahawanan dengan kadar bayaran sewa yang nominal.**

Rahmat untuk mereka kerana Annuar memilih kelompok itu sebagai antara kumpulan awal yang disantuni.

Orang-orang terbiasa itu dibantu, bukan sekadar diberi perlindungan malah sebahagiannya dipersiapkan dan dicari kerjaan.

Dari situ jugalah kemudiannya diperkenal pelbagai inisiatif, antaranya Kebun Bandar Hijrah Warrior yang membawa sinar baharu kepada golongan tersebut.

Ada lagi. Sebaik sahaja PKP diisytiharkan, Annuar pantas mengumumkan bahawa pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak akan mengenakan sewa sebulan kepada perniagaan yang menyewa premisnya serta bantuan kepada 500 pekerja harian DBKL.

Dan apabila PKP dilanjutkan, kemudahan itu juga turut dipanjangkan tempohnnya.

Seminggu selepas PKP berkuatkuasa, Annuar umumkan pula peruntukan RM63.6 juta di bawah inisiatif Wilayah Cakna yang diadakan bagi membantu golongan miskin bandar, penjaja, pelajar, gelandangan dan petugas barisan hadapan yang terkesan akibat COVID-19.

Pada masa yang sama nasib peniaga tempatan di Pasar Borong Selayang yang sejak sekian lama diancam oleh kehadiran peniaga warga asing turut diberikan tumpuan.

Isu yang tidak menemui titik penyelesaian sejak dua dekad lalu akhirnya berjaya ditangani hasil daripada beberapa siri tindakan yang tegas dan jelas.

Maka peniaga-peniaga kecil tempatan kembali dapat mencari rezeki di sekitar kawasan itu dalam suasana yang lebih meyakinkan.

Dalam menggembungkan usaha untuk bersama-sama negara bergelut memerangi COVID-19, KWP juga berusaha memastikan mereka tampak dengan ketara.



PENJAJA-penjaja kecil diberikan gerai mudah alih yang dinamakan Gerai Mary sebagai salah satu program melawan kemiskinan yang diilhamkan oleh Tan Sri TPr Annuar Musa.

agenda memerangi kemiskinan berjalan lancar.

Atas faktor itulah apabila Annuar melancarkan Pakej Wilayah Prihatin pada Ogos 2020, Cakna Kemiskinan, Cakna Gelandangan, Cakna Perumahan dan Cakna Asnaf turut disenaraikan sebagai sebahagian daripada 13 Bidang Cakna yang terangkum dalam pakej tersebut.

Mungkin ramai yang masih ingat kisah ibu tunggal bernama Nurajahan Mariamah Abdullah atau lebih dikenali sebagai Mary yang menjual nasi lemak dan buah menggunakan troli.

Kisah kedaifannya mendapat perhatian Annuar yang bukan sahaja turun padang menyerahkan gerai dan lesen penjaja kepada wanita gigih itu, tetapi juga menempatkannya di flat baharu di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Chempaka, Jalan Kampung Pasir.

Bukan hanya Mary, ramai lagi yang kepayaan hidup mereka mendapat perhatian khusus daripada menteri yang seorang ini. Antaranya peniaga kurang upaya (OKU) Mohamad Nor Abdullah atau Dekk Mat yang turut menerima hadiah berupa sebuah gerai daripada Annuar bagi memudahkan dia menjalankan perniagaan Nasi Lemak Bujangnya.

Minah Awang atau Che Nah menanti selama 35 tahun untuk bermula secara sah juga mengakhiri penantiannya apabila Annuar tampil menyerahkan sendiri lesen Penjaja Beredar kepadanya.

Lagi sekali, ia tidak berakhir di situ. Ribuan orang lain mendapat manfaat apabila Annuar mengumumkan Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga, satu langkah besar yang mungkin tidak pernah dijangka oleh sesiapa dan

yang membolehkan warga kota membuka gerai atau perniagaan secara kecil-kecilan di mana-mana kawasan yang sesuai di sekitar Wilayah Persekutuan.

Selain daripada itu Annuar juga memperkenalkan inisiatif Usahawan Anak Muda Kota yang memberikan peluang kepada anak-anak muda di Wilayah Persekutuan yang kehilangan mata pencarian kerana kehilangan pekerjaan untuk menceburi bidang keusahawanan dengan kadar bayaran sewa yang nominal.

Kemudian muncul pula 5My yang tujuannya tidak berganjak daripada mahu memastikan impak kemiskinan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan terus berkurangan.

5My itu meliputi MyGrocer@ Wilayah untuk membeli keperluan harian dengan harga rendah; MySchoolBus@Wilayah (untuk keperluan hantar anak ke sekolah); MyFood@Wilayah (bantuan berdasarkan bank makanan secara tersusun); MyMedic@Wilayah (perkhidmatan kesihatan ke PPR yang dikenal pasti); dan MyJob@ Wilayah (program pemadanan kerja).

Melalui program tersebut kumpulan sasar berpeluang menikmati pelbagai kemudahan dan penjimatan, yang secara langsung mengurangkan beban kehidupan mereka.

Banyak lagi sebenarnya.

MYBeras@Wilayah, projek rumah mampu milik Residensi Prihatin dengan harga siling RM200,000 untuk golongan muda, program ‘Urban Renewal’ yang bakal menyaksikan 12,000 rumah baharu PA dan PPR yang lebih selesa, pengurangan 50 peratus bayaran sewa bulanan kepada penyewa rumah PPR MTEN/PA

DBKL dan PA milik Perbadanan Labuan (PL) sejak pertengahan tahun lepas, sewa percuma kepada para peniaga di bangunan baharu pasar harian Selayang sehingga akhir tahun ini hanyalah sebahagian daripada rantaian contoh lain tentang besarnya komitmen menteri yang berpegang pada prinsip setiap hari adalah hari bekerja.

Apabila kerajaan melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Annuar segera memobilisasikan pasukannya bagi memastikan sasaran imuniti berkelompok dapat dicapai.

Dan seperti kebiasaannya dia memberikan fokus khusus kepada warga kota yang miskin.

Memahami kesukaran sebahagian daripada mereka untuk pergi ke pusat-pusat vaksinasi, KWP mengerakkan usaha ‘medatangi’ mereka termasuk dengan menggunakan Trak Vaksin Bergerak MyMedic@Wilayah yang membawa pasukan vaksinasi.

Begitulah. Artikel ini akan menjadi sangat panjang jika saya menulis tentang semua yang telah dan sedang Annuar lakukan.

Berikan dia masa dan sokongan, nescaya kita akan saksikan peta perubahan yang dilakurnya akan menjadikan Wilayah Persekutuan lebih daripada gemilang.

**Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Miskin Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan**



## PADA SENGKETA INI

Persengketaan ini Adalah api dalam sekam Dombo menjadi minyak Angin meniuup amarah

Selusurilah salasilah Entah bilakah berakhir Nafas yang dihemus Gelora dalam vas etnik Kita dari segumpal tanah Entah siapa dahulu jatuh Titisan darah dari titih Adam dan Hawa

Ibarat telur sesangkak Nanti pecah satu,pecah semuanya Ikan belum dapat,airnya sudah keruh

**Shafei Al-Samadi**  
APM. Kuala Krai, Kelantan

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

# 'Mengharap sinar menelan kabus'

**B**ERITA gembira untuk seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).

Ibu negara yang juga pusat ekonomi dan sosial negara dijangka akan kembali 'hidup' seawal Ogos ini apabila imuniti kelompok di WPKL dapat dicapai menjelang bulan kemerdekaan itu.

Ini semua hasil usaha agresif yang dijalankan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), dan inisiatif menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa, yang begitu komited melaksanakan program vaksinasi pandemik COVID-19 untuk warga kota demi mengejar sasaran imuniti kelompok berkenaan.

Ini bermakna WPKL berjaya mencapai sasaran kelompok imuniti lebih awal berbanding negeri-negeri lain.

Ogos InsyaAllah, suasana suram di WPKL akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKK) akan kembali bersinar, sinar yang diharap menelan kabus.

Malah kegembiraan ini bukan sahaja untuk WPKL tetapi juga Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Memetik Annuar, sasaran imuniti kelompok bagi kedua-dua wilayah ini dijangka dicapai bulan hadapan dalam usaha menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Adi berbangga dengan kemampuan Wilayah Persekutuan mencapai imuniti kelompok lebih awal dan pantas daripada negeri-negeri lain.

Usaha bersepadu KWP dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KMM) ternyata membawa hasil diharapkan.

Selain itu ia dibantu oleh komitmen bersungguh-sungguh Annuar Musa, untuk memastikan suntikan vaksin diberi kepada seramai mungkin warga Wilayah Persekutuan dalam waktu sesingkat mungkin.

Selain menerima suntikan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) ditetapkan oleh kerajaan, KWP mengambil langkah proaktif mempercepat program imunisasi dengan memberi tauliah kepada lebih 360 klinik swasta, juga hospital swasta, menjadi PPV di seluruh WPKL.

Dalam pecutan memberi vaksinasi ini, KWP menggerakkan sepenuhnya kemudahan yang ada padanya. Tidak cukup dengan PPV statik, KWP menggerakkan Pusat Pemberian Vaksin Begerak (PPVB) dengan menggunakan trak miliknya yang biasanya digunakan untuk program MyMedic@Wilayah.

Sesuai dengan peranan hakiki trak ini yang memberi khidmat kesihatan mingguan kepada penduduk Projek Perumahan



ORANG ramai menunggu giliran untuk disuntik vaksin di PPR Muhibbah baru-baru ini.

Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA), fokus peranannya sebagai PPVB ialah memberi khidmat memvaksin penduduk di kawasan berkenaan.

Penduduk tidak perlu ke PPV tetapi PPVB yang datang kepada mereka. Bagaimana pun hanya mereka yang tersenarai sahaja akan disuntik.

Selain PPRT dan PA, trak berkenaan juga memberi khidmat kepada penduduk kampung tradisi, industri, pasar borong dan penempatan gelandangan bagi memastikan tiada siapa yang tercincir di bawah Progam Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Untuk itu, bilangan trak vaskin bergerak ini akan ditambah kepada 40 buah di bawah program MyMedic@ Wilayah serta mengadakan perbincangan strategik dengan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19

(CITF) untuk penambahan vaksin kepada Labuan.

Adi difahamkan, sejak 7 Jun sehingga 22 Jun, sebanyak 38,856 dos vaksin pertama di bawah MyMedic@Wilayah telah disempurnakan di 14 PPR dan PA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta kampung tradisi, juga lapan industri termasuk pasar borong. Sebanyak 13 trak digunakan bagi tujuan ini.

Vaksinasi juga telah dilakukan terhadap 252 gelandangan di Pusat Penempatan Gelandangan Anjung Kelana dan Pusat Komuniti Setiawangsa.

Selain itu KWP juga mensasar memvaksin 6,000 penghantar makanan dan 7,000 penjaja makanan untuk meyakinkan orang ramai berjual beli atau memesan barang secara online. Ini dijangka dilakukan dalam tempoh terdekat.

Adi menyedari perlunya

## MAKLUMAN AWAM

**PROGRAM VAKSINASI BERGERAK**  
**My Medic@Wilayah** 9.00 PAGI - 4 PETANG

**28 Jun 2021** • PPR Kg. Muhibbah

**2 - 4 Julai 2021** • PKNS Sg. Baru  
• PA Seri Johor  
• PPR Gombak Setia

**5 - 7 Julai 2021** • PA Desa Rejang

Dibuka kepada penerima dos pertama sebelum di lokasi tersebut:

- Hanya penduduk di PPR/PA DBKL tersebut
- Keutamaan kepada warga emas dan OKU di PPR/PA DBKL tersebut
- Tidak mempunyai temujanji di mana-mana PPV
- Telah berdaftar melalui MPPWP/Persatuan Penduduk
- Berjaya mendapat slot temujanji dalam aplikasi MySejahtera
- Walk-in tidak dibenarkan

CAKNA KEMISKINAN Tan Sri TPr Annuar Hj Musa Menteri Wilayah Persekutuan COVID-19 #WilayahCakna#

<http://www.kwp.gov.my/>

**“ Selain PPRT dan PA, trak berkenaan juga memberi khidmat kepada penduduk kampung tradisi, industri, pasar borong dan penempatan gelandangan bagi memastikan tiada siapa yang tercincir di bawah Progam Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). ”**

WPKL segera kembali menjadi 'normal' memandangkan kedudukannya sebagai pusat ekonomi dan sosial. Dengan itu segala kegiatan ekonomi atau sosial yang terhad selama ini boleh kembali rancak.

Semoga selepas Ogos ini, warga WPKL akan dapat menyaksikan kesibukan dan kemeriahan Kuala Lumpur kembali terserlah, sebagai sebuah bandar raya yang 'hidup'. Penduduknya pula boleh bekerja dan mencari rezeki seperti biasa.

## MEMBERI BALIK CUKAI KEPADA PEMBAYAR

BERKORBAN apa saja, terutama untuk yang disayang. Kerana sayang kepada warga Wilayah Persekutuan, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa sentiasa berusaha memberi pelbagai insentif kepada warganya untuk meringankan beban mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Pelbagai bentuk insentif telah diberi. Kini Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sedang meneliti untuk memberi potongan cukai kepada semua pembayar cukai pintu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Putrajaya dan Labuan.

Ketika ini apa yang telah dilaksanakan ialah membenarkan cukai pintu dibayar secara ansuran.

Mereka yang lewat membayar kerana mempunyai masalah kewangan tidak akan dikenakan penalti.

Sangat menarik memetik kata-kata Annuar, di saat susah ini apa salahnya kita berkurban.

Apa salahnya memberikan balik beberapa peratus kepada pembayar cukai. Menurut beliau, perkara ini sedang diteliti tetapi pada dasarnya beliau bersetuju dengan pelaksanaan potongan cukai.

Bagi Adi, pembayaran cukai secara ansuran, memberikan rebat dan menghapuskan penalti tentunya usaha murni di saat mencabar pada waktu pandemik ini.

Walaupun ini mengakibatkan penurunan hasil sedangkan hasil cukai merupakan antara sumber pendapatan utama Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur (DBKL), Wilayah Persekutuan masih boleh mengharapkan hasil dari sumber pendapatan lain.

Sementara usaha KWP ini merupakan insentif meringankan beban pembayar cukai, Adi harap pembayar cukai jangan alpa membayar cukai yang dikenakan.

DBKL hanya meringankan beban mereka dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), bukan bermakna orang ramai tidak perlu membayar cukai langsung.

DBKL masih memerlukan hasil daripada cukai untuk kos operasi dan pembangunan. Kutipan cukai inilah juga yang dikembalikan kepada pembayar cukai dalam pelbagai bentuk lain seperti pembiayaan pembangunan sosio-ekonomi dan sebagainya.

Sebelum ini pun DBKL sudah memberikan rebat atau penangguhan bayaran kepada para penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA) dan gerai-gerai perniagaan milik DBKL.

Ini merupakan bantuan yang sangat melegakan golongan B40 dan miskin bandar, khususnya yang terkesan akibat PKP.

Adi harap segala bentuk insentif akan melegakan mereka yang terlibat sehingga keadaan kembali pulih sepenuhnya dan golongan yang memerlukan ini dapat kembali berdikari seperti dahulu.

Yang penting, ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.

- Adi Tuah

*Adi Tuah*

## SAJAK

### SYAIR NASIHAT BARISAN HADAPAN

Duhai rakyat tabah dan sabar hadapi sebuah dugaan besar pandemik negara semakin menular barisan hadapan masih iktihar

Semua rakyat semakin sakit kerana virus korona berjangkit macam-macam ada penyakit mencari duit bukannya sikit

Norma baharu kita amalkan lindung diri demi kesihatan jaga jarak setiap perjalanan agar kita hidup dan aman

Ada kedai sudah ditutup ramai rakyat telah dicekup tanpa guna alatan pelitup jangan jadi negara lingkup

Dengar nasihat barisan hadapan bersama kita perang habisan hilang virus bangkit kemenangan sentiasa berdoa kepada Tuhan

Gabriel Kimjuan  
Taman Mutiara, Labuan

Anak angkat YWP peroleh 8A+ dalam SPM

# Fatima mahu beli tanah buat keluarga

AINI MAWAWI

**K**ESUSAHAN keluarga memberi semangat buat **Fatima Nurulhidayati Mohd Hashim**, 18 untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru-baru ini.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Labuan yang juga penerima Skim Biasiswa Anak Angkat Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) ini berjaya mendapat 8A+ dalam lapan mata pelajaran yang diambil.

Menurut anak ketiga daripada lima orang adik-beradik ini, kejayaannya memberi erti kepada keluarga memandangkan dia berhasrat untuk membawa keluarganya keluar daripada belenggu kemiskinan.

"Ayah saya merupakan seorang guru KAFA dengan gaji RM1,400 sebulan, bayangan dengan pendapatan yang tidak seberapa itulah



**YAYASAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

dia membesar kami selama ini. Sementara ibu pula tidak bekerja, jadi semuanya bergantung pada ayah.

"Sedih melihat ayah bekerja pagi petang untuk mencari rezeki namun masih tidak mencukupi. Apakan daya itu sahaja sumber pendapatan kami selama ini," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Ceritanya lagi, keluarga mereka menyewa pangaspuri di sekitar Kampung Sungai Bedau, Labuan yang agak jauh dari kawasan bandar dengan kadar sewa RM180 sebulan.

"Ibu sentiasa berpesan agar saya belajar rajin-supaya dapat membantu keluarga membeli tanah suatu hari nanti. Dengan adanya tanah kami dapat bina rumah dan tidak menyewa lagi."

"Pesanan itulah yang sentiasa saya ingat dan menjadi pembakar



**FATIMA (kiri)** ketika bersama keluarga.

semangat untuk saya berusaha keras. Saya mahu menjadikan angan-angan ibu sebagai kenyataan suatu hari nanti," ujarnya sayu.

Tidak lupa berterima kasih kepada YWP di atas bantuan biasiswa selama ini, menurutnya

tersebut amat bermakna buat kami yang amat memerlukan," ujarnya yang kini menyambung pelajaran peringkat Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS, Taman Batu Muda, Kuala Lumpur.

Sempat berkongsi kejayaan cemerlangnya bergelar pelajar terbaik di sekolah, Fatima berkata jadual belajar di rumah merupakan antara tips penting untuk berjaya.

"Saya akan tentukan topik tertentu setiap kali mengulang kaji pelajaran yang biasanya dimulai dengan topik yang mudah terlebih dahulu selain mengikuti tips bagaimana memperoleh markah peperiksaan yang boleh didapati di laman YouTube," katanya.

Pelajar cemerlang ini berjaya mendapat 8A+ dalam subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, Pendidikan Islam, Sains, Prinsip Perakaunan dan Ekonomi. **WK**

# Datuk Bandar Kuala Lumpur titik berat iklim, kesejahteraan rakyat

NAZWIN NAZRI

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa komited dan proaktif dalam menjadikan ibu negara sebagai bandar dinamik, lestari dan berdaya saing.

Menerusi forum anjuran United Cities and Local Governments Asia-Pacific (UCLG ASPAC) pada 29 Jun, Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** membentangkan bagaimana DBKL menguruskan bandar yang berkepadatan tinggi itu.

Antara intipati yang dinyatakan beliau adalah, pihaknya sentiasa menitikberatkan iklim pembangunan lestari di bandar.

"DBKL amat komited untuk menjadikan bandar raya Kuala Lumpur ini dinamik, lestari, berdaya saing dan pada masa sama adil serta sejahtera untuk semua termasuk warganya," kata kenyataan yang diterbitkan di Facebook DBKL.

Terdahulu, forum yang diadakan secara atas talian itu membincangkan topik 'Local Governments Initiatives Impact - The Regional Global Agenda on Climate Sensitive Urban Sustainable Development'.

Objektifnya adalah untuk meningkatkan integrasi perlindungan iklim yang berkesan dengan membentangkan kes-kes mengenai tindakan terhadap perubahan iklim dan melokalisasikan

sumbangan Penentu Nasional (*National Determined Contributions*-NDCs).

Antara pembentang yang terlibat dalam forum tersebut adalah Datuk Bandar Bogor Indonesia, Dr Bima Arya Sugiantoro; Datuk Bandar Iriga Filipina, Madelaine Alfelor-Gazmen dan Datuk Bandar Prik Thailand, Suriya Yeekhun.

Turut sama, Datuk Bandar Gorontalo Indonesia, Marten Taha dan Professorate Senior Planner, Vice President and Secretary General of Guangzhou Urban Planning Association China, Huang Dingxi.

Manakala moderator bagi forum berkenaan adalah Setiausaha Agung UCLG ASPAC, Dr Bernadia Irawati Tjandradewi. **WK**



**MAHADI** ketika membentangkan gerak kerja bandaraya Kuala Lumpur di forum anjuran UCLG ASPAC, 29 Jun lalu.

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

MEDIA WARGA KOTA  
**Wilayah Ku**

### KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

<b>FULL PAGE</b> 26cm X 33cm <b>RM500</b>	<b>HALF PAGE</b> 26cm X 17cm <b>RM300</b>
<b>QUARTER PAGE</b> 12cm X 17cm <b>RM200</b>	<b>PANEL PAGE</b> [INNER] 26cm X 6cm <b>RM200</b>

### KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

<b>FRONT BANNER</b> 1080px X 96px <b>RM2,500</b>
<b>MIDDLE BANNER</b> 1080px X 280px <b>RM2,000</b>
<b>MEDIUM RECTANGULAR</b> 350px X 280px <b>RM1,500</b>



**DITERBITKAN  
2 KALI SEMINGGU**

**MENCAPAI  
200,000 PEMBACA  
SETIAP EDISI**

**BERMINAT?**

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)**

Pengurus Pengiklanan

**011-1069 2962 (ZUHAIRI)**

Ekssekutif Jualan dan Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:

Aras 9, Blok 1,  
Menara Seri Wilayah,  
62100 Putrajaya.

# PPj serah barang infaq bernilai RM20,800



AINI MAWAWI

MENYELAMI keperitan masyarakat dalam mendepani pandemik COVID-19, Perbadanan Putrajaya (PPj) tampil menyalurkan sumbangan barang infaq bernilai RM20,800 kepada surau-surau di Putrajaya.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat PPj, **Tengku Aina Tengku Ismail Shah**, sumbangan yang merupakan salah satu inisiatif di bawah Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin serta Pelan Induk Masyarakat Sejahtera 2018-2023 itu bertujuan memastikan semua golongan terjejas tidak diabaikan.

"Permasalahan rakyat amat dititikberatkan dengan mewujudkan peruntuhan bantuan yang boleh disalurkan. Sumbangan kali ini adalah melalui pengajuran Minggu Infaq Putrajaya yang berlangsung pada 19 April hingga 2 Mei lalu bersempena dengan sambutan bulan Ramadan.

"PPj telah berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM20,800 hasil sumbangan individu dan badan korporat berbentuk tunai



ANTARA wakil surau yang menerima sumbangan.

serta barang keperluan dasar.

"Ini adalah inisiatif PPj dalam mengurangkan beban tanggungan keluarga seterusnya mensejahterakan kehidupan warga Putrajaya. Diharapkan penyerahan barang keperluan ini sedikit banyak dapat membantu komuniti yang memerlukan," ujar beliau.

Tambah beliau lagi,

penyumbang utama dalam program ini adalah daripada KK Mart dan Subaru Malaysia cawangan Putrajaya.

"Setiap surau akan menerima sumbangan dalam bentuk barang-barang keperluan harian seperti beras, susu, tepung, minyak masak, teh, gula, pelitup muka, dan lain-lain," katanya.

Antara 23 surau yang



MUHAMMAD AZMI (kiri) membantu menyusun barang sumbangan.

disenaraikan adalah Surau An-Nur, Presint 11, Surau Al-Munawwarah, Presint 5, Surau Muhibbin, Presint 9, Surau Ar-Rayyan Presint 6, dan Surau PPAM Jintan, Presint 16.

Terdahulu, sumbangan barang Sudut Infaq disampaikan Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain kepada 23 wakil surau di Putrajaya yang

mempunyai Sudut Infaq secara penuh lalu bertempat di Kompleks Futsal Presint 18.

Sebagai rekod, Sudut Infaq yang telah digerakkan dan dipromosikan sejak tahun 2018 merupakan inisiatif PPj bagi membantu komuniti Putrajaya yang terjejas. Sehingga kini terdapat 23 Sudut Infaq di Putrajaya. **WK**

## Zumba cegah kemurungan

DALAM tak sedar, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang tidak berkesudahan ini dilihat menjadi pencetus kepada tekanan perasaan dan kemurungan bagi sesetengah masyarakat.

Manakan tidak tempoh berkurun yang panjang ini secara tidak langsung membuatkan banyak pihak yang terjejas sehingga ramai yang kehilangan pekerjaan.

Tekanan demi tekanan juga membuatkan mereka hilang pertimbangan. Menyedari hal tersebut, Pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) tampil mengisi ruang kekosongan tersebut dengan pengajuran program Jom Sihat Komuniti Putrajaya : Jom Zumba.

Program bersiri yang boleh

diikuti melalui laman Facebook PPj tersebut bertujuan untuk mengajak masyarakat melakukan aktiviti senaman bagi kecergasan fizikal dan juga mental.

Menurut Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti PPj, Rosli Abdul Talib, program yang berlangsung sebanyak tiga siri itu amat membantu komuniti dalam mengharungi cabaran pandemik ini.

"Kita faham situasi terperap di rumah dalam tempoh yang lama mampu memicu kepada tekanan perasaan. Dengan adanya

program sebegini sekurang-kurangnya dapat mengembalikan kecergasan fizikal dan mental.

"Sebelum ini, kita sudah berjaya menganjurkan siri pertama dan Alhamdulillah sambutannya amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 191 orang. Untuk siri kedua pada 3 Julai 2021 (5 petang hingga 6 petang) kita mengharapkan sambutan yang diterima lebih



TENAGA pengajar ketika sesi Jom Zumba.



lagi," ujarnya.

Katanya lagi, bukan sahaja golongan dewasa bahkan kanak-kanak juga boleh menyertai program Jom Zumba yang dikendalikan tenaga profesional tersebut.

"Seisi keluarga sesuai untuk menyertai aktiviti secara percuma ini. Kami bawakan tenaga pengajar dewasa dan juga kanak-kanak dengan pelbagai pengisian menarik sepanjang program berlangsung," ujarnya kepada **Wilayahku**.

**MPPWP PUTRAJAYA BERMUNAJAT**  
**BACAAN YASSIN,  
ZIKIR MUNAJAT & DOA SELAMAT  
WABAK COVID-19**

**MASA** 9.00-9.30 MALAM | **TEMPAT** SECARA VIRTUAL

<b>25 JUN 2021</b> JUMAAT	<b>8 JULAI 2021</b> KHAMIS	<b>15 JULAI 2021</b> KHAMIS	<b>5 OGOS 2021</b> KHAMIS	<b>12 OGOS 2021</b> KHAMIS
------------------------------	-------------------------------	--------------------------------	------------------------------	-------------------------------

"Engkaulah sahaja [Ya Allah] Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan"  
(QS. Al-Fatihah 1: Ayat 5)

# Trak vaksin bergerak langkah proaktif yang tepat di Ibu Kota

**P**ROGRAM Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang kini sudah memasuki Fasa Kedua dan Ketiga semakin giat dilaksanakan bagi memastikan negara mencapai imuniti kelompok menjelang akhir tahun ini.

Bagi melancarkan pemberian vaksin ini, jumlah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) turut ditambah termasuk secara pandu lalu dan juga trak vaksin bergerak.

Inisiatif ini merupakan usaha kerajaan untuk meningkatkan keupayaan pemberian vaksin kepada 300,000 hingga 400,000 sehari.

Kerajaan pastinya memikirkan kaedah terbaik untuk pemberian vaksin COVID-19 ini.

Jangan risau, sudah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan vaksin yang diterima rakyat Malaysia adalah terbaik, kurang kesan sampingan dan berkesan terhadap COVID-19.

Sejajar dengan impian kerajaan itu, melihat kepada komitmen kerjasama strategik yang ditunjukkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), tidak mustahil imuniti kelompok di wilayah ini dapat dicapai lebih awal berbanding tempat-tempat lain di negara ini.

Pelaksanaan inisiatif Program Rintis Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah yang bermula sejak 7 hingga 13 Jun ternyata mendapat sambutan yang menggalakkan apabila ia dilanjutkan kepada Fasa Kedua.

Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah dilaksanakan dengan menyasarkan golongan berisiko tinggi seperti peniaga; pekerja pasar harian serta penjaja; kawasan industri; penempatan gelandangan; Program Perumahan Rakyat; Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR MTEN); Perumahan Awam (PA) DBKL dan kampung-kampung tradisi.

Ia merupakan langkah proaktif yang amat tepat kerana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan antara negeri yang mencatatkan kes positif harian tertinggi dan menjadi penyumbang kepada kluster



**PROGRAM Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah dilaksanakan dengan menyasarkan golongan berisiko tinggi seperti peniaga; pekerja pasar harian serta penjaja; pekerja industri; gelandangan; dan warga emas dan penduduk PPR.**

baharu terutamanya kes yang melibatkan di tapak pembinaan.

Jadi, inisiatif yang dilaksanakan ini secara tidak langsung, dapat mengelakkan penularan COVID-19 ini menular dengan lebih pantas.

Kita tidak menafikan PICK telah menjalankan tanggungjawab dan peranannya dengan baik dalam pemberian vaksin, namun tidak salah jika kita memikirkan inisiatif lain untuk membantu mereka supaya imuniti kelompok dapat dicapai dengan lebih awal.

Susulan kejayaan itu, Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) telah memberi kebenaran kepada KWP untuk meneruskan Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan dengan memfokuskan pemberian vaksin kepada warga Kuala Lumpur bagi mencapai imuniti kelompok dengan kadar segera.

Namun, kejayaan itu tidak mungkin dapat dicapai jika tiada kesedaran daripada individu itu sendiri untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 ini.

Pihak kerajaan telah melakukan yang terbaik dengan melaksanakan pelbagai cara termasuk Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah untuk pergi ke kawasan sasar dan penambahan PPV, jadi rakyat juga perlu memainkan peranan masing-masing.

Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita perlu yakin dengan kemudahan

yang disediakan oleh kerajaan.

Jangan mudah terpedaya dengan dakyah antivaksin yang mengatakan terdapat kesan sampingan serius setelah vaksin diambil.

Kes terpencil yang berlaku itu perlu merujuk kepada sejarah kesihatan individu itu sendiri dan bukan kerana vaksin semata-mata. Jadi, jangan mudah terpedaya, jadilah rakyat yang bijak.

Setakat artikel ini ditulis, sebanyak 16,431,724 orang telah membuat pendaftaran PICK. Walaupun sudah melebihi daripada separuh populasi rakyat Malaysia, namun tidak mustahil ada dikalangan mereka yang masih enggan untuk menerima suntikan vaksin ini.

Tidak dapat dipastikan apa yang menjadi halangan mereka, tetapi bagi pihak kerajaan dan berwajib, mereka telah memainkan tanggungjawab sudah sekian lama dengan mengadakan pelbagai kempen dan promosi mengenai PICK.

Pemberian vaksin ini bukan untuk menyelamatkan nyawa kita sendiri, tetapi juga untuk melindungi jutaan manusia lain daripada penderitaan dan kesengsaraan termasuk ahli keluarga sendiri. Usah ambil sikap ‘tunggu dan lihat’.

Tidak perlu bertindak disaat akhir kerana vaksin ini adalah jalan terbaik untuk kita mengekang penularan COVID-19.

Rakyat perlu menyokong program yang dilaksanakan oleh kerajaan ini kerana ia berhubungkait dengan

pemulihan ekonomi negara.

Jika imuniti kelompok dapat dicapai keseluruhannya, rakyat dapat menjalani kehidupan yang normal seperti dahulu sekaligus membantu merancakkan ekonomi negara.

Hanya dengan vaksin membolehkan kita mencapai imuniti kelompok.

Jika masih ramai yang tidak mendaftar, sasaran 90 peratus imuniti kelompok tidak boleh dicapai dan pasti negara akan mengambil masa lebih lama lagi untuk bebas daripada pandemik ini.

Itukah yang kita mahukan? Tidak. Kita semua merindui kehidupan yang normal sebelum kewujudan wabak ini, jadi inilah masanya untuk kita mengembalikan ‘semula’ kehidupan setelah lama terjejas akibat COVID-19.

Sehingga kini, tiada paksaan terhadap individu untuk menerima suntikan vaksin, tetapi jangan pentingkan diri.

Kita bukan hidup berseorangan dalam dunia ini, kita saling bergantungan antara satu sama lain, jika orang lain boleh menerima suntikan vaksin untuk kebaikan diri sendiri dan orang lain, kenapa kita tidak?

Pasti ramai di luar sana yang sedar akan kepentingannya cuma ada ketikanya, mereka lalai dalam menerima maklumat yang tidak sah sehingga berasa takut dan memberi stigma buruk terhadap

vaksin COVID-19.

Masih belum terlewati untuk anda mendaftar bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 ini.

Marilah kita bersama-sama menyokong usaha kerajaan bagi membebaskan diri daripada pandemik ini, kita pasti berjaya dan menang bersama!

**Tan Teik Peng**

**PENULIS** merupakan Pengurus Sub Zon 2, MPP WP Zon Bukit Bintang



**KITA MASIH RESAH**

Resah berperang pandemik risau wabak menjangkit hirau melawan penyakit.

Kita masih resah sekian lama diselubungi khawatir khawatir tentang virus tersebut khawatir tentang kehidupan alami khawatir tentang amalan kendiri.

Kita masih resah sekian lama memerhati sikap sikap tentang patuh arahan sikap tentang pemikiran buntu sikap tentang membangkang buta.

Kita masih resah setiap hari menghitung angka angka tentang kes baharu angka tentang kluster baharu angka tentang kematian baharu.

Keresahan masih tertanggung sementahan pandemik belum berakhir.

**Namaz ZH**  
Tinta Karya, Tangkak, Johor.

# Pelapis Kartunis Tanah Air

RASFAN ABU BAKAR

**K**ETIKA di bangku sekolah, ada seorang rakan perempuan di dalam kelas pernah menyebut "bila besar nanti awak akan jadi seorang kartunis".

Kata-kata tersebut sebenarnya adalah doa kerana perkara itu benar-benar terjadi.

Marzuki bin Abdullah yang dilahirkan di Sarawak dan membesar di Kota Bharu, Kelantan ini tidak menyangka bahawa minatnya yang suka menonton dan melukis kartun sejak kecil membolehkan beliau kemudian menjadi seorang kartunis.

Beliau yang mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang komunikasi multimedia (OUM) dan ijazah sarjana Pengajian Melayu di Universiti Malaya (UM) mula belajar melukis kartun secara pos dengan majalah Gelagat pada tahun 1991.

Seterusnya beliau menyertai Kursus Kartun kelolaan Persatuan Kartunis Wilayah Persekutuan (PeKartun) di Balai Seni Lukis Negara sekitar tahun 1993 dan pernah mendapat tunjuk ajar daripada seorang tokoh kartunis tanah air iaitu allahyarham Rejabhad.

Menyentuh tentang nama samaran yang digunakan sebagai seorang kartus, Marzuki menjawab ringkas "Kidol". Ia adalah gabungan diantara nama saya dan nama bapa saya."



Tambahnya lagi keluarga tidak menghalang minat untuk melukis dan antara pengalaman yang tidak dapat dilupakan ialah beliau terpaksa menunggu giliran untuk membaca kartun yang tersiar didalam akhbar.

"Pakcik saya pula mempunyai satu tabiat, apabila membaca sesuatu akhbar dia akan baca semua kandungan perlahan-lahan satu muka surat ke satu muka surat. Saya pula terpaksa tunggu sehingga selesai dan kemudian barulah berpeluang untuk membaca ruangan kartun."

Bercerita tentang pengalaman kerja, Marzuki menyatakan bahawa setelah tamat belajar beliau mulakan kerja sebagai juruteknik komputer.

Tetapi dek kerana minat melukis, beliau menggunakan waktu malamnya untuk melukis kartun dan akan menghantar karya tersebut ke pejabat Majalah Kartun pada setiap hari sabtu.

Dari situ, beliau mendapat peluang untuk temuduga

## SARIP PUISI

Oleh:  
Kidol



## SARIP PUISI

Oleh:  
Kidol



jawatan Animator bagi sebuah produksi animasi televisyen Usop Sontorian.

Sebenarnya, niat asalnya adalah temuduga untuk menjadi seorang kartunis tetapi bertukar ke temuduga jawatan animator.

Pada tahun 90an, jawatan Animator adalah istilah yang sangat asing dan beliau sendiri tidak faham apa skop kerjanya.

Tetapi setelah diterangkan oleh Pengarah Animasi tersebut iaitu En. Kamn Ismail, maka barulah beliau faham dan bersetuju untuk menerima jawatan tersebut.

En. Kamn Ismail yang merupakan pengarah siri kartun Usop Sontorian juga sempat menitipkan pesan buat Marzuki iaitu "kartunis melukis untuk majalah, animator pula melukis untuk siaran TV... melukis kartun yang bergerak."

Setelah puas bergelar animator, pada awal tahun 2000, Marzuki mula beralih arah ke bidang pendidikan dengan mengajar di beberapa kolej dan kini menjawat jawatan pensyarah di Fakulti Animasi & Multimedia, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kuala Lumpur.

Dari situ, beliau mendapat peluang untuk temuduga

## PROSES BERKARYA

Setiap seniman mempunyai kaedah yang tersendiri dalam berkarya.

Bagi Marzuki pula beliau akan memulakan karya dengan menulis puisi terlebih dahulu kerana kartunnya bertemakan puisi.

Marzuki juga gemar untuk melukis siri kartun bisu tiga petak yang sering diletakkan di sudut tepi majalah.

Konsep ini ringkas dan mudah buat dirinya dan media pilihannya pula adalah dakwat hitam.

Selain itu marzuki juga sering menjadikan kartunis Ujang (Ibrahim Anon) sebagai rujukan ketika berkarya.

Siri kartun 'Aku Budak Minang' membuka mindanya bahawa kartun bukan sekadar untuk melawak dan ketawa tetapi lebih daripada itu.

Kartun adalah platform merakam tradisi, budaya dan cara hidup orang Melayu untuk dijadikan bahan rujukan orang di zaman akan datang.

Ketika ini Marzuki juga aktif terlibat dengan persatuan



kartunis di bawah Rumah Kartun dan Komik Malaysia (RKKM) dan Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS). Rumah Kartun dan Komik Malaysia contohnya sangat aktif menjalankan aktiviti pembangunan seni seperti kursus

dapat menerbitkan buku kompilasi kartun sendiri.

Penulis merupakan Dekan Fakulti Animasi & Multimedia di Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA).

melukis kartun pada setiap hari sabtu dan ahad di premis mereka iaitu di Taman Botani Kuala Lumpur.

Begitu juga dengan Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS), kumpulan ini sering mengadakan acara pameran dan jualan komik disamping mengambil berat tentang kehidupan kartunis yang kurang berasas baik dengan membuat kunjungan ziarah dan menyumbang bantuan.

Menutup perbualan, Marzuki berharap beliau akan lebih aktif berpameran dengan lebih kerap disamping



**B**ERIKUTAN peningkatan kes COVID-19 yang meningkat di Pulau Bebas Cukai itu, sebuah Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah ditubuhkan dan mula beroperasi sepenuhnya pada 28 Jun lalu.

kerja-kerja penubuhan hospital itu melibatkan ATM, Persatuan Bantuan

Perubatan Malaysia (MERCY Malaysia) dan bagi kerja sivil, mekanikal dan elektrikal oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Labuan.

Hospital tersebut mempunyai kapasiti 100 katil termasuk empat di unit rawatan rapi (ICU) transit, lapan doktor dan 30 paramedik serta pasukan sokongan dari MERCY Malaysia.

Setakat ini, seramai 60 pesakit COVID-19 kategori tiga dan empat telah dipindahkan ke hospital berkenaan yang membabitkan Kluster Tembok Labuan di Pusat Koreksional Labuan. **WK**



# Kibarkan bendera putih, jangan malu...



DEEL ANJER

**P**ANDEMIK COVID-19 telah menyebabkan rakyat terjejas dan sesetengah mereka sudah tidak mampu menanggung tekanan hidup.

Akhir-akhir ini, hampir setiap hari kejadian bunuh diri, kemurungan dan jenayah kerana kesusahan hidup dilaporkan.

Melihat situasi yang semakin membimbangkan ini, warga

maya mengorak kempen '**kibarkan kain putih**' bagi golongan yang memerlukan bantuan keperluan harian.

Individu atau keluarga yang mengalami kesusahan seperti tiada makanan dinasihatkan menaikkan bendera di rumah masing-masing agar masyarakat sekeliling sedar akan bantuan yang perlu dihulurkan.

Kempen bendera putih ini sebenarnya membawa misi supaya setiap daripada kita lebih peka dan prihatin keadaan sekeliling.



AISYAH

## Cara cepat kenal pasti keluarga susah - Aisyah

"**BAGI** saya idea untuk mereka yang sangat terkesan oleh pandemik ini dengan mengibarkan bendera putih adalah satu idea yang baik. Ianya adalah satu cara paling cepat untuk kita kenal pasti keluarga mana yang sudah sampai tahap kritis dalam kawasan kejiranannya kita," luah penyanyi lagu *Janji Manismu*, **Aisyah**, 56.

Bagi Aisyah, keluarga susah tidak perlu tunggu lama atau melalui proses birokrasi untuk mendapatkan bantuan.

"Ini untuk kes-kes yang

kehabisan terus bekalan makanan atau yang stres sangat hingga kaki sebelah dah julur ke bawah balkoni tau."

"Nak suruh mereka ni tunggu hingga bulan Ogos ke? Dalam Islam pun tak ajar angkat tangan untuk berdoa saja tanpa ada ikhtiar."

"Sekurang-kurangnya mereka yang berkemampuan bila nampak signal 'bendera putih' diah tahu di mana bantuan perlu disalurkan," ujarnya.

Menurut Aisyah, bendera putih atau apa sahaja signal yang digantung di rumah, berfungsi sebagai tanda yang situasi penghuninya sudah kritis.

Tambahnya, tidak usah cerita pasal aib apabila berada dalam keadaan kritis sebegini.

## Jangan segan - Catriona Ross

**PELAKON** popular **Catriona Ross**, 40, berharap masyarakat tidak ada rasa malu atau segan apabila melalui saat-saat sukar.

"Usahlah tutup malu andai sudah tidak punya. Jangan segan sedangkan akal dah buntu."

"Fikirkanlah keluarga, anak serta jiwa. Percaya, akan ada yang datang bantu."

"Kibarkan bendera atau kain putih di jendela atau pagar rumah, *Insyah-Allah* akan ada bantuan yang tiba. Rakyat juga rakyat."



CATRIONA ROSS

## Tidak perlu merayu - Fedtri Yahya

**PENGACARA** dan penulis lirik popular, **Fedtri Yahya**, 39, berharap masyarakat yang hidup susah hanya perlu mengibarkan bendera putih agar kesusahan mereka disedari orang sekeliling.

"Naikkan bendera putih di kediaman anda jika memerlukan bantuan makanan dan keperluan."

Ada mulut yang nak disuap, ada beban yang perlu diringankan.

"Jangan ambil tindakan yang merugikan diri dan orang tersayang. Elakkan stres. Tidak perlu merayu dan malu. Hanya kibarkan kain putih, semoga ada yang membantu."



FEDTRI YAHYA



HANEZ SURAYA

## Hanez Suraya harap masyarakat kongsi masalah

**PELAKON** yang juga usahawan **Hanez Suraya**, 35, menegaskan agar masyarakat yang hidup susah lebih berfikiran positif dengan berkongsi masalah.

"Kepada semua yang dalam kesusahan dan tiada makanan, tiada barang keperluan, naikkan bendera kain putih di kediaman anda."

"Biar orang sekeliling pakat bantu sedikit sebanyak yang termampu. Tolong jangan ambil tindakan yang meremukkan hati orang tersayang. Berkongsilah masalah dengan orang lain."

"Tak perlu merayu, tak perlu malu. Kibar saja bendera kain putih. Semoga ada yang datang membantu," katanya.

Dalam pada itu, Hanez memohon orang ramai yang melihat rumah digantung kain putih untuk tampil ke hadapan dan bertanya sekiranya penghuninya memerlukan bantuan.

Tambahnya, orang yang memerlukan bantuan pula perlu berlapang dada dan tidak malu sama ada Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa mahupun berbeza agama.

## Bendera putih lambang keadaan 'nazak' - Fauziah Nawi

**BAGI** pelakon hebat **Fauziah Nawi**, 68, pula, bukan mudah untuk seseorang atau keluarga mengibarkan bendera putih melainkan keadaan mereka betul-betul memerlukan bantuan.

"Ada rumah yang memasang bendera putih bererti mereka dalam keadaan 'nazak'. Makanan dah kehabisan. Duit pun habis."

"Tak makan sehari atau dah lebih hari. Jika melihat bendera putih di kawasan perumahan anda, mohon beri bantuan."



FAUZIAH NAWI

## Rozita Che Wan seru masyarakat tidak simpan kesusahan

**SELEBRITI** terkenal **Rozita Che Wan**, 48, menganggap masyarakat adalah sebuah keluarga besar yang perlu saling membantu dalam sama-sama mengharungi dugaan pandemik COVID-19 ini.

"Jika anda terputus bekalan makanan atau berdepan masalah, jangan segan dan ambil langkah kibarkan bendera putih sebagai tanda simbolik di saat waktu getir ini."

"Kita bantu apa adanya. Kita sebuah keluarga besar, sama-sama meneruskan kehidupan di saat yang tak terduga ini. *Insyah-Allah* yang dekat dan nampak bendera itu akan cuba membantu."

"Jangan simpan kesusahan dan kedukaan itu kerana ramai yang terkesan. Semoga kita terus dilindungi dan sama-sama tolong masyarakat di negara kita."



ROZITA CHE WAN



**"Bagi individu, NGO atau syarikat yang berminat untuk mendaftar diri, bolehlah ke pautan [www.yayasan.org/privo](http://www.yayasan.org/privo) atau scan kod QR dan isi butiran-butiran diri atau NGO, kegiatan yang diminati dan maklumat-maklumat lain seperti yang diminta."**

SILA SCAN QR CODE DI SINI



**YB TAN SRI TPr. ANNUAR HAJI MUSA**

Menteri Wilayah Persekutuan



@yayasanwp



[www.yayasanwp.org.my](http://www.yayasanwp.org.my)

# Resipi masakan Cina bertaraf lima bintang



SABRINA SABRE

**M**ASAKAN Cina mempunyai gaya masakan yang tersendiri, ia sememangnya sedap dan mengekalkan kesegaran bahan yang digunakan dalam masakan. Apakah

lagi apabila dihidangkan pula panas-panas di dapur.

Kepada anda yang gemar masakan Cina, berikut *Wilayahku* berkongsi empat menu istimewa masakan Cina oleh **Chef Patrick Ng, Head Chinese Chef, Restoran Cina Tung Yen, Grand Bluewave Hotel Shah Alam** yang sedap untuk anda cuba sendiri di rumah.

Jangan risau, *confirm halal!* WK

## Ikan Kerapu Kukus Sos Teoh Chew

### BAHAN-BAHAN

1 kg ikan kerapu  
Air secukupnya

### BAHAN SOS TEOH CHEW

100 gram sayuran masin dihiris  
1 biji tomato belah enam  
30 gram cendawan hitam dicincang  
2 biji cili padi dihiris  
5 gram halia dihiris  
1 biji jeruk *plum*  
500 gram sup ayam  
60 gram serbuk ayam  
20 gram garam  
10 gram gula  
2 sudu minyak masak

### CARA PENYEDIAAN

- 1) Satukan semua bahan untuk sos Teoh Chew dan rebus. Ketepikan.
- 2) Potong ikan menjadi *fillet* yang dibelah dua dan letakkan di atas pinggan tahan panas.
- 3) Panaskan pengukus dan kukus ikan selama 15 minit atau sehingga ikan masak sepenuhnya.
- 4) Tuang sos Teoh Chew ke atas ikan yang telah dikukus tadi.
- 5) Sedia untuk dinikmati.



## Hong Kong Choy Sam bersama Ayam Kisar dan Cendawan



### BAHAN-BAHAN

700 gram Hong Kong Choy Sam  
200 gram isi ayam dikisar  
50 gram cendawan dihiris  
50 bawang putih dicincang  
1 sudu sos tiram  
1 sudu kicap pekat  
1 sudu kicap manis  
Sedikit serbuk ayam  
Garam dan gula secukupnya  
Minyak masak sepenuhnya

### CARA PENYEDIAAN

- 1) Panaskan minyak di dalam kuali dan goreng Hong Kong Choy Sam bersama separuh daripada bawang putih hingga terbit bau harum.
- 2) Masukkan serbuk ayam, garam dan gula secukup rasa. Gaul sekata. Angkat dan letakkan di dalam pinggan.
- 3) Tumis baki bawang putih dan masukkan ayam dan cendawan. Tambah sos tiram, kicap pekat, kicap manis dan serbuk ayam. Gaul sekata sehingga masak.
- 4) Tuang sos di atas sayur tadi. Sedia untuk dinikmati.

## Ayam Goreng bersama Kiub Jeruk Halia dan Sos Madu



### BAHAN-BAHAN

1/2 ekor ayam  
Air secukupnya  
Minyak masak secukupnya

### BAHAN UNTUK KIUB JERUK HALIA MADU

200 gram halia madu  
75 gram cuka putih  
100 gram gula  
30 gram madu

### BAHAN UNTUK PERAP

1 biji telur  
50 gram tepung jagung  
Sedikit serbuk ayam  
Sedikit sos tiram  
Sedikit garam

### CARA PENYEDIAAN

- 1) Untuk membuat kiub jeruk halia madu; potong halia menjadi kiub kecil. Jerang air dan apabila panas, masukkan halia dan rebus seketika. Angkat dan tapis. Ketepikan.
- 2) Masak gula bersama cuka sehingga

mendidih dan masukkan madu.  
3) Masukkan pula potongan halia tadi dan masak seketika. Sejukkan dahulu sebelum disimpan di dalam peti sejuk selama dua hari. Keluarkan ketika hendak masak.

4) Untuk memasak hidangan ini, ayam dipotong kecil dan perap dengan serbuk ayam, sos tiram, telur, tepung jagung dan sedikit garam. Gaul sebatik. Ketepikan.  
5) Panaskan minyak di dalam kuali, goreng ayam yang telah diperap sehingga masak sepenuhnya. Angkat, tos dan ketepikan.

6) Tinggalkan sedikit minyak di dalam kuali, panaskan dan masukkan kiub jeruk halia madu, goreng seketika dan masukkan ayam goreng tadi. Gaul sekata.  
7) Angkat dan sedia dinikmati.



## Daging Rusa Goreng Halia dan Daun Bawang

### BAHAN-BAHAN

- 600 gram daging rusa
- 150 gram daun bawang dihiris
- 50 gram hirisan halia
- 30 gram bawang putih dicincang
- Minyak masak secukupnya

### BAHAN PERAP

- 1 biji telur, ambil bahagian putih sahaja
- Sedikit serbuk ayam
- Sedikit sos tiram
- Sedikit garam

### BAHAN B

- 20 gram serbuk ayam

10 gram kicap  
10 gram sos tiram  
5 gram gula  
10 gram kicap pekat

### CARA PENYEDIAAN

- 1) Hiris daging rusa, bersihkan. Kemudian satukan bersama putih telur, serbuk ayam, sos tiram dan garam secukup rasa. Gaul sekata. Perap seketika. Ketepikan.
- 2) Panaskan minyak di dalam kuali, goreng hirisan halia hingga terbit bau harum. Masukkan bawang putih dan kacau sebatik.
- 3) Masukkan hirisan daging rusa bersama bahan B. Gaul sebatik selama seminit. Masukkan daun bawang.
- 4) Angkat dan sedia untuk dinikmati.



# Empat filem Indonesia terbaik di Netflix

**DIANA SYUHADA MOHD AMIR**

**I**NDUSTRI filem Indonesia semakin berwarna dengan kehadiran cerita pelbagai genre. Bagi anda yang sering menonton Netflix mungkin boleh tukar angin dengan menonton pelbagai cerita

## Kartini

Pengarah: Hanung Bramantyo  
Pelakon: Dian Sastrowardoyo, Acha Septriasia, Ayushita Nugraha

**RADEN AJENG KARTINI**, nama yang tidak asing lagi bagi masyarakat Indonesia, terutama bagi wanita. Pahlawan pembebasan wanita Indonesia ini dulu pernah dibenci namun perjuangannya hari ini dapat menjadi dorongan bagi wanita.

Mengisahkan kisah benar perjuangan Kartini di Indonesia pada awal tahun 1900M, di mana wanita tidak diizinkan untuk mendapatkan pendidikan tinggi bahkan untuk golongan bangsawan juga. Menganggap wanita hanya sebagai pelayan, dan seseorang yang hanya dapat memainkan peranan di belakang tabir, RA Kartini (**Dian Sastrowardoyo**) membesar melihat ibu kandungnya, Ngasirah (**Christine Hakim**) sebagai pembantu rumah di rumahnya sendiri kerana bukan dari golongan bangsawan manakala bapanya bernama Raden Sosroningrat (**Deddy Sutomo**) juga tidak berdaya menentang tradisi turun-turun itu.

Kartini yang semakin kesunyian mula menemui identitinya setelah mula membaca buku yang diberikan oleh Sosrokartono, abangnya (**Reza**

dari Indonesia yang terdapat di *Netflix* kerana industri filem mereka tidak kurang hebatnya baik dari segi lakonan, jalan cerita dan juga sinematografi.

Mungkin ramai tidak tahu sebenarnya banyak filem Indonesia yang boleh ditonton melalui *Netflix*. Jom Wilayahku kongsikan dengan pembaca antara filem Indonesia yang menarik untuk ditonton pada hujung minggu ini. **WK**

Rahadian).

Sepanjang hidupnya, Kartini belajar dan berjuang untuk menyamakan hak semua orang di daerahnya pada masa itu, baik dari golongan bangsawan atau orang biasa.

Dengan karya-karya yang diterbitkan oleh media Belanda, Kartini percaya bahawa dia dapat memperjuangkan hak-hak feminism dengan saudara-saudaranya Roekmini (**Acha Septriasia**) dan Kardinah (**Ayushita**). Filem Kartini adalah perjalanan emosional dari tokoh Kartini yang harus memperjuangkan tradisi yang dianggap suci, bahkan menentang keluarganya sendiri untuk memperjuangkan hak yang sama untuk semua orang di Indonesia.



## Bumi Manusia

Pengarah: Hanung Bramantyo  
Pelakon: Iqbaal Ramadhan, Mawar Eva de Jongh

**DIADAPTASI** dari novel karya penulis Pramoedya Ananta Toer mengisahkan seorang anak muda Jawa bernama Minke (**Iqbaal Ramadhan**) yang harus berjuang keras untuk menentang ketidakadilan Menir, tetapi dia cukup berasas baik kerana dapat menghadiri HBS (sebuah sekolah khusus untuk orang Belanda).

Mengambil latar belakang prakemerdekaan yang begitu tebal dengan masalah perbudakan dan kesukanan,

Minke harus menahan kemarahannya ketika melihat perbudakan, perkauman dan peraturan yang tidak adil terhadap orang asli Indonesia oleh Belanda. Kisah cintanya rumit kerana perbezaan kasta dengan seorang gadis berketurunan Belanda bernama Annelies Mellema (**Mawar Eva**), membuat Minke berani bercakap dan memprovokasi orang asli untuk meminta keadilan dari pemerintah Belanda, tetapi semua perjuangannya adalah dengan Nyai Ontosoroh (**Sha Ine Febriyanti**), ibu dan anak kelahiran Annelies. Ia harus berakhir dengan pahit dengan keputusan mahkamah tinggi Belanda bahawa Annelies Mellema harus kembali ke Belanda.



## 99 Nama Cinta

Pengarah: Danial Rifki  
Pelakon: Acha Septriasia, Deva Mahendra, Adinda Thomas

**TERLALU** sibuk dengan dunia adalah perkara biasa bagi Talia (**Acha Septriasia**). Talia, wanita berkarier yang sibuk dengan kehidupan moden dan tentu saja pekerjaannya sebagai penyampai berita gosip menjadikan hidupnya terlalu duniaawi.

Hingga akhirnya dia bertemu dengan Kiblat (**Deva Mahendra**), seorang ustaz di sekolah berasrama penuh. Kiblat merupakan rakannya sewaktu kecil yang hadir untuk mengajar agama kepada Talia atas kehendak ayah Talia sebelum meninggal dunia.

Suatu ketika, satu kemalangan menimpa Talia yang menjadikan kariernya dalam

bahaya. Dalam keadaan itu, Kiblat hadir bagi menenangkan Talia. Hubungan akrab mereka menimbulkan rasa cinta di hati Talia yang selama ini sunyi dan kosong. Namun, Talia mesti menguburkan cintanya dengan mendalam kerana Kiblat akan dijodohkan dengan Husna, seorang wanita yang bekerja sebagai guru di sekolah berasrama penuh keluarga Kiblat.

Filem *99 Nama Cinta*, sebuah drama romantis yang dapat memberikan wawasan tentang makna cinta dan tema besar diangkat dalam filem ini adalah tentang sebuah wasiat yang harus dijalankan oleh seorang anak bernama Kiblat kepada rakannya yang bekerja sebagai penyampai gosip. Penonton juga diajak melihat perbezaan dunia gosip dan sekolah berasrama penuh yang digarap kemas dalam filem ini.

Aya akan segera mempunyai anak.

Walaupun tidak disukai oleh Ale, June sangat disukai oleh Aya. Masa berlalu, dan akhirnya Aya dan Ale menyambut kelahiran anak perempuan mereka, Karin (**Makayla Rose Hilli**).

Walaupun Ale melarangnya berada dekat dengannya, June segera menjadi teman setia anak itu, dan mereka terus menjadi teman rapat ketika Karin membesar. Malangnya, suatu hari Karin dan June terperangkap dalam situasi yang membimbangkan, dan Aya hanya dapat berharap bahawa June dapat menjaga anak perempuannya.

Bukan hanya dapat menempatkan penonton sebagai manusia, pengarah juga membuat penonton melihat dunia yang dilihat oleh anjing yang mampu menggelitik penonton. Bukan sahaja dapat memberikan kehangatan persahabatan antara manusia dan anjing, filem ini juga dapat merangkumi bagaimana sebilangan orang masih menganggap anjing sebagai haiwan buruk dan perlu dielakkan. Melihat ini dengan meletakkan "mata" penonton di posisi anjing juga cukup mengesankan dalam memberi gambaran.



## June & Kopi

Pengarah: Noviandra Santosa  
Pelakon: Acha Septriasia, Ryan Delon, Makayla Rose Hilli

**JUNE & KOPI** ialah sebuah filem Netflix Indonesia asli yang menceritakan kisah persahabatan manusia dan anjing peliharaannya. Filem ini memfokuskan pada Aya (**Acha Septriasia**) dan suaminya (**Ryan Delon**) yang mempunyai dua anjing bernama June (anjing putih) dan Kopi (anjing hitam) yang merupakan anggota keluarga. Tidak seperti Kopi yang merupakan anjing keluarga, June adalah anjing liar yang Aya selamatkan di tepi jalan dan dibawa pulang. Dari awal filem, June tidak begitu ramah dengan anak-anak kecil.

Mengetahui isterinya membawa seekor anjing liar, Ale tidak begitu menyukai Jun kerana dia merasakan keluarganya cukup memiliki kopi yang lebih patuh dan tenang daripada Jun. Rasa tidak senang ini juga berdasarkan keprihatinan Ale kerana dia dan

JPBD Labuan pergiat usaha pemberian vaksin

# MPP diminta edar kupon ke setiap zon



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**J**AWATANKUASA Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan mempergiatkan usaha dalam memastikan proses pemberian vaksin kepada warga Pulau Bebas Cukai itu mencapai sasaran 80 peratus pada pertengahan Julai.

Pengerusinya, **Rithuan Mohd Ismail** berkata, pihaknya bekerjasama dengan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) bagi memperluaskan lagi proses pemberian vaksin dengan mengedarkan kupon vaksin kepada penduduk.

“MPP telah diminta mengedarkan kupon vaksin secara aktif di peringkat zon yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

“Ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha Jawatankuasa Khas COVID-19 (CITF) Labuan untuk mempercepatkan vaksinasi selaras dengan matlamat kerajaan menjadikan Labuan sebagai wilayah pertama di negara ini yang mencapai sasaran imuniti kelompok pada pertengahan Julai,” katanya.

Mengulas lanjut mengenai pendaftaran vaksin secara ‘walk in’ di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Rithuan menjelaskan pendaftaran hanya boleh dibuat selepas pukul 1 petang.

Katanya, ianya bergantung ke-



RITHUAN

pada jumlah baki dos vaksin yang ada pada hari tersebut.

“Ini kerana kita memberi keutamaan dahulu kepada mereka yang mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera dan melalui ketua kampung atau MPP,” tambahnya.

Dalam pada itu, Rithuan berkata, dalam mencapai imuniti kelompok sekurang-kurang 80 peratus pada pertengahan Julai ini, ia turut melibatkan pemberian

vaksin kepada warganegara dan bukan warganegara.

“Berdasarkan imuniti kelompok bukan hanya merujuk kepada warganegara sahaja, ianya merujuk kepada semua penduduk yang berada di Labuan termasuklah mereka (warga asing),” katanya.

WK



PUSAT Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Mutiara Kolej Matrikulasi Labuan mendapat sambutan memberangsangkan oleh penduduk bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 bagi mencapai imuniti berkelompok pada pertengahan Julai ini.

## Labuan memasuki fasa 1PPN, Kompleks Ujana Kewangan dibuka



KOMPLEKS Ujana Kewangan akan beroperasi secara berskala besar pada 29 Jun ini.



ANTARA sebuah premis yang dibuka (gambar sebelum penguatkuasaan PKPD).

**SEAJAR** dengan penamatian Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bersasar di Pulau Bebas Cukai itu pada Selasa, Kompleks Ujana Kewangan akan beroperasi secara berskala besar bermula 29 Jun ini.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengurusan Ujana Kewangan, pembukaan operasi berskala itu dilaksanakan susulan pulau itu bakal memasuki fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula 29 Jun.

Jelasnya, bangunan utama dan menara pejabat blok 4 akan dibuka sepenuhnya mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

“Sebanyak 59 premis perniagaan akan dibenarkan buka. Premis pengagihan makanan, serbaneka dan farmasi akan dibuka bermula pukul 8 pagi sehingga 8 malam. Premis restoran dibenarkan beroperasi bermula pukul 8 pagi hingga 10 malam dan terhad kepada penghantaran serta bawa balik sahaja,” kata kenyataan itu pada Isnin.

Tambah kenyataan itu, bank komersial dan pejabat kerajaan turut dibenarkan bagi membuka perkhidmatan kuarter bagi skop perkhidmatan yang ditawarkan menerusi dalam talian.

“Perniagaan dan premis yang tidak disenaraikan sebagai perkhidmatan perlu (*essential service*) masih ditutup,” katanya lagi.

Justeru itu, orang awam dinasihat agar sentiasa mematuhi SOP dan hanya datang jika mempunyai urusan penting sahaja. WK

## 416 pelaut terima suntikan vaksin di PPV Terminal Feri

**SERAMAI** 416 individu pelaut di sekitar perairan Pulau Bebas Cukai ini telah menerima suntikan vaksin COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Terminal Feri Antarabangsa Labuan, baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Laut Labuan, **Alimuddin Amirudin** berkata, pemberian vaksin kepada pelaut dan anak kapal yang berada di sekitar perairan Labuan susulan Sambutan Hari Pelaut pada 25 Jun lepas.

Katanya, proses pemberian vaksin itu turut mendapat kerjasama dari Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Labuan dan pihak LDA Holdings.



ALIMUDDIN

“Pemberian vaksin COVID-19 dos pertama yang dijalankan bermula Isnin akan berpanjangan dan kali ini kita telah mendaftarkan 100 pelaut-pelaut untuk diberi vaksin, katanya kepada pemberita ketika meninjau proses pemberian vaksin di PPV di Terminal Feri Antarabangsa Labuan, pada Isnin lalu.

Mengulas lanjut, Alimuddin berkata, proses pemberian vaksin itu akan diteruskan kepada 200 pelaut yang berada di perairan Labuan

“Kami menerima permohonan daripada 416 pelaut untuk divak sinkan, dan kami akan minta selebihnya untuk ke terminal feri itu bergilir-gilir,” katanya. WK



Sebahagian daripada 100 orang pelaut dan anak-anak kapal yang menerima suntikan vaksin COVID-19 di PPV Terminal Feri Antarabangsa Labuan pada Isnin lalu.

## KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com) dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

# MPPWP Subzon 2, bantu warga memerlukan dan uzur di Wangsa Maju

**SYAHIDI BAKAR**

**MENYEDARI** kesukaran dihadapi tujuh penduduk yang menghidap penyakit kronik serta dijangkiti COVID-19 perlukan perhatian, mendorong Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah (MPPWP) Subzon 2 Wangsa Maju segera tampil membantu.

Pengerusinya, **Md Zain Salleh** bersama delegasi MPPWP Subzon 2 mengambil pendekatan turun padang berkunjung dari rumah ke rumah setiap pesakit bagi menyampaikan sumbangan barang keperluan asas sambil menziarahi mereka.

Agihan pack makanan di bawah Program Dapur It'am itu katanya, dapat membantu mereka yang hidup serba kekurangan dan memerlukan ketika ini berjimat serta menampung keperluan bekalan makanan sekurang-kurangnya untuk seminggu.

"Lima daripada mereka pesakit kronik antaranya kanser, jantung, buah pinggang kronik selain dua lagi penerima seorang pesakit sedang menjalani kuarantin dirumah dan juga



MD Zain Salleh ketika hadir menyerah sumbangan Pack Makanan kepada salah seorang pesakit kronik yang memerlukan di Wangsa Maju.

wakil keluarga Arwah Ahmad Embong meninggal akibat positif COVID-19, baru-baru ini.

"Agihan pack makanan dari Program Dapur It'am dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ini kami hargai, dan terima kasih juga Surau Jumaat Madrasah Ikhtisamiah, Taman

Melati yang berkepercayaan untuk kami jayakan," katanya.

Selain agihan sumbangan yang tertumpu kepada golongan sasar memerlukan, MPPWP Sub Zon 2 dan Persatuan Penduduk Kediaman (PPKTM12A) juga meluangkan masa bertanya khabar sambil menzahirkan harapan semoga bantuan



ANTARA persiapan yang dilakukan AJK MPPWP Subzon 2, Wangsa Maju sebelum berkunjung ke rumah penerima bagi menyerahkan bantuan.

diberikan dapat ringankan beban dan membawa senyuman kepada mereka.

Sementara itu, Setiausaha MPPWP Subzon 2, Mohd Troy Mat Jusoh turut zahirkan penghargaan terima kasih kepada semua AJK terlibat sentiasa komited membantu proses agihan bantuan dan

mengenal pasti penerima.

"Semoga kita diberi kesihatan dan keselamatan dalam menjalankan amanah ini secara sukarela, digalas penuh tanggungjawab bagi memahami denyutan nadi golongan yang sakit dan terkesan akibat pandemik COVID-19," ujarnya. **W.K**

# 1,800 warga sekitar Cheras terima dos vaksinasi COVID-19

**SERAMAI** 1,800 orang penduduk pelbagai bangsa telah menerima dos pertama suntikan vaksinasi selama tiga hari perkhidmatan itu disediakan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Alam, Jalan Pudu, Kuala Lumpur.

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Cheras **Datuk Mahadi Abd. Shukor** berkata, sambutan positif penduduk daripada pelbagai bangsa terhadap program yang diadakan mulai 21 sehingga 23 Jun lalu, adalah selari hasrat kerajaan mencapai sasaran imuniti berkelompok lebih awal.

Katanya, kemudahan dibawa terus kepada rakyat itu bukan sahaja percuma malah ia bersesuaian dengan kehendak rakyat yang rata-ratanya terdiri daripada golongan B40 yang terkesan kehidupan akibat penularan pandemik COVID-19 melanda.

"Sasaran penganjuran program di sini mencapai seramai 1,800 penduduk dalam kelompok warga emas divaksinasi telah pun berjaya dicapai malah usaha yang diambil kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) jelas membuktikan komitmen pemerintah melindungi kepentingan rakyat."



MAHADI (dua dari kanan) mendapat penerangan berkaitan perjalanan Program Vaksinasi COVID-19 @Wilayah Prihatin di perkarangan PPR Seri Alam, Pudu.

"Kami MPPWP Zon Cheras juga komited bersama menjayakan usaha ini dengan matlamatnya ialah memberikan perkhidmatan kepada rakyat tanpa pinggiran mana-mana golongan," katanya ketika mengulas prestasi Program Vaksinasi COVID-19 @Wilayah Prihatin di PPR Seri Alam, Pudu.

Pelaksanaan secara serentak Program Vaksinasi COVID-19 @ Wilayah Prihatin di tujuh lokasi yang berbeza sekitar Kuala

Lumpur hasil inisiatif KWP dengan kerjasama oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertujuan melindungi keselamatan dan kesihatan warga.

Sementara itu, Mahadi memaklumkan, program sama bakal diperluas kepada golongan penjaja, pihak industri, kampung tradisi dan juga kawasan taman perumahan sekitar Parlimen Cheras mulai awal Julai ini, dengan mekanisma pelaksanaannya bakal



ANTARA penduduk yang hadir bagi mendapat suntikan dos pertama vaksinasi mencegah COVID-19.

ditentukan dalam masa terdekat.

Menurutnya, keperluan pelaksanaan program itu secara lebih meluas dirasakan wajar disegerakan memandangkan kadar penularan serta jangkitan COVID-19 menunjukkan trend meningkat dan tidak mengenal usia maupun latar sosial.

"Secara peribadi saya bagi pihak MPPWP Cheras memuji dan menyokong kerja keras YB Menteri, Tan Sri TPr Annuar Musa

begitu komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik dan berkesan kepada rakyat golongan sasar.

"Jadi rakyat di akar umbi harus manfaatkan kemudahan yang disediakan ini tanpa perlu lagi termakan hasutan fitnah pihak tertentu mengenai vaksin sedangkan objektifnya adalah melindungi keselamatan diri kita sendiri, bukan bermotifkan politik maupun keuntungan," jelasnya. **W.K**

**Soalan**

**A** SSALAMUALAIKUM Datuk Mufti. Dalam tempoh PKP kali ini, kita banyak mendengar laporan mengenai kes bunuh diri dalam negara. Amat membimbangkan kerana terdapat umat Islam juga yang terlibat dalam masalah ini. Apakah pandangan Islam terhadap isu bunuh diri? Terima kasih.

**Jawapan**

Waaalaikumussalam wbt. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan mereka yang setia mengikuti perjuangan baginda sehingga hari Akhirat.

Merujuk kepada persoalan di atas, kami mulakan terlebih dahulu dengan firman Allah SWT:

*“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.”*

**(Surah al-Baqarah: 195)**

Ayat di atas berbentuk larangan ke atas umat Islam daripada melakukan sebarang yang boleh menyebabkan kebinasaan.

Syeikh Abdurrahman al-Sa'adi menjelaskan lagi bahawa ayat ini ditujukan juga kepada mereka yang melakukan maksiat dan berputus asa daripada bertaubat kepada Allah.

Selain itu, dalam dalil yang lain, Allah SWT juga telah melarang keras perbuatan membunuh termasuklah membunuh diri sendiri. Firman-Nya:

*“Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar.*

*Dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah menjadikan*

# Dosa besar membunuh diri



*ISLAM melarang kita ‘melerikan diri’ daripada kehidupan disebabkan bencana ataupun kerana ada cita-cita yang tidak kesampaian.*

warisannya berkuasa menuntut balas.

*Dalam pada itu, janganlah ia melampau dalam menuntut balas bunuh itu, kerana sesungguhnya ia adalah mendapat sepenuh-penuh pertolongan (menurut hukum Syarak).*

**(Surah al-Isra': 33)**

Bahkan, Rasulullah SAW juga telah memberikan ancaman besar mengenai azab yang bakal menimpak akibat perbuatan membunuh diri sendiri. Sabda baginda:

*“Sesiapa yang membunuh diri dengan besi, maka di neraka jahanam nanti besi itu sentiasa di tangannya, lalu menusuk-nusukannya ke perutnya selama-lamanya.*

*Dan barangsiapa membunuh diri dengan meminum racun, maka di neraka jahanam nanti ia akan terus meminumnya selama-lamanya.*

*Dan barangsiapa bunuh diri*

dengan menjatuhkan diri dari gunung, maka di neraka jahanam nanti, ia akan menjatuhkan (dirinya) selama-lamanya.”

**Riwayat Muslim (109)**

Dalam perbincangan hadis, Al-Qadhi Iyadh meletakkan hadis ini dalam Syarah Sahih Muslim di bawah bab “larangan membunuh diri sendiri, sesungguhnya sesiapa yang membunuh dirinya sendiri dengan sesuatu, dia akan diazab dengan sesuatu tersebut dalam neraka dan dia tidak akan memasuki syurga kecuali dirinya sendiri”

Beliau turut menyebut bahawa orang yang membunuh diri ini akan memasuki neraka dalam tempoh yang panjang namun tidak kekal di dalamnya selama-lamanya.

Dari perspektif Maqasid Syariah, Imam al-Syatibi menyatakan bahawa semua ajaran yang ditetapkan oleh syariat Islam adalah bertujuan

memelihara kemaslahatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Oleh itu, membunuh diri adalah perbuatan yang dilarang kerana ia sama sekali bercanggah dengan perintah syarak.

Disebabkan terlalu besarnya dosa akibat perbuatan tersebut, maka neraka Jannah merupakan tempat kembali mereka pada hari Akhirat.

Sementara sarjana Islam kontemporari seperti Syeikh Dr. Yusuf al-Qardawi pula berpendapat perbuatan membunuh diri sendiri dengan apa jua cara sekalipun termasuk dalam kategori membunuh

tanpa sebarang hak yang diharankan oleh Allah SWT.

Jelas beliau, kehidupan manusia itu tidak dimiliki oleh sesiapa kerana dia tidak menciptakan dirinya sendiri.

Begitu juga dengan anggota tubuh badannya atau sel-sel yang terdapat di dalam tubuh manusia.

Hakikatnya, diri seseorang manusia itu merupakan amanah yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk dipelihara dengan sebaik-baiknya.

Oleh itu, manusia tidak boleh mensia-siakan amanah itu atau bertindak sesuka hati terhadap dirinya.

Berdasarkan nas di atas dan juga pendapat ulama, jelas menunjukkan kepada kita bahawa membunuh diri adalah haram dan termasuk dalam dosa besar.

Ramai ulama memuatkan di

dalam kitab mereka mengenai membunuh diri sebagai salah satu daripada dosa-dosa besar.

Sehubungan itu, syariat Islam menuntut agar kesemua umatnya memiliki kekuatan fizikal dan keazaman yang jitu dalam mengharungi segala bentuk kesusahan.

Islam tidak membenarkan seseorang Muslim mlarikan diri daripada kehidupan dan menanggalkan pakaianya disebabkan bencana yang menimpanya, ataupun kerana ada cita-cita yang tidak kesampaian.

Firman Allah SWT :

*“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.”*

**(Surah al-Baqarah: 155)**

Atay ini menunjukkan ujian merupakan suatu yang pasti di bumi ini kerana ia menjadi sifat dunia ini sendiri yang penuh dengan mehnah, tribulasi dan cubaan dalam ranjau kehidupan.

Sesungguhnya perbuatan membinasakan diri sendiri seperti membunuh diri atau mencederakannya adalah haram dan tidak dibenarkan sama sekali dalam syariat Islam.

Walaupun sebesar mana mehnah dan tribulasi yang dihadapi maka sewajarnya umat Islam menghadapi dengan kesabaran dan juga solat serta amalan-amalan lain yang dianjurkan oleh Islam.

Justeru, kita hendaklah sentiasa bermuhasabah serta mengambil peringatan bagi orang-orang yang lemah keazamannya tentang ancaman yang oleh Rasulullah SAW ke atas orang yang membunuh diri.

*Wallahu’lam.*

## Kesihatan mental : KWP gerakkan usaha kenal pasti golongan terjejas

**SUSULAN** peningkatan kes tekanan perasaan yang dihadapi sehingga terdorong untuk membunuh diri, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menggerakkan usaha untuk mengenal pasti golongan ini lebih awal.

Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, pihaknya memandang serius masalah kesihatan mental yang berlaku dalam masyarakat terutamanya di Wilayah Persekutuan pada masa kini.

“Atas kesedaran ini KWP berhasrat untuk mengenal pasti lebih

awal golongan yang memerlukan bantuan dan sokongan emosi.

“KWP juga ingin menggerakkan pelbagai inisiatif dan tindakan segera melalui kerjasama semua pihak terutamanya pemimpin-pemimpin masyarakat setempat,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Annuar, pihaknya menyedari bahawa isu tersebut adalah serius dan memerlukan tindakan segera serta memahami bahawa masyarakat setempat merupakan pihak yang paling hampir dengan golongan

yang mempunyai gejala tekanan kesihatan mental ini.

“Satu perbincangan secara maya akan diadakan dengan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) peringkat Zon dan Sub-Zon esok, Rabu 30 Jun 2021, pukul 2.00 petang.

“Adalah bagi menggerakkan tindakan segera untuk membantu mereka yang berisiko ini,” katanya.

Jelasnya, isu kesihatan mental dalam kalangan anggota masyarakat, terutamanya dalam bandar mestil ditangani segera dan secara

bersama oleh kerajaan, pihak yang berkepakan dalam bidang kesihatan mental dan melalui bantuan daripada anggota masyarakat.

Annuar juga menyeru kepada semua pihak untuk meningkatkan kesiapsiagaan secara proaktif bagi membantu rakyat yang tertekan dengan menghulurkan bantuan sewajarnya.

“KWP akan menambah lagi saluran dan program yang boleh membantu golongan berkenaan dan pengumuman akan dibuat dalam masa terdekat,” katanya.

Dalam pada itu, Annuar turut

berharap agar dapat menjalinkan kerjasama dengan semua ahli parliment Wilayah Persekutuan bagi menagani masalah yang berkaitan dengan keperluan rakyat pada masa ini selaras dengan peruntukan yang telah diluluskan kepada mereka.

“Dengan adanya peruntukan RM300,000.00 yang telah diluluskan kepada semua wakil rakyat di Wilayah Persekutuan, saya berharap dapat bekerjasama agar segala bantuan dapat diselaraskan dengan lebih baik lagi,” katanya.

# Semua pengguna TNB nikmati diskaun

**O**RANG ramai boleh menarik nafas lega berikutan pengumuman diskaun bil elektrik kepada pengguna mengikut kegunaan masing-masing.

Berdasarkan pecahan tersebut, 2.9 juta pengguna elektrik domestik di semenanjung Malaysia yang menggunakan elektrik bulanan sebanyak 200 Kilowatt jam (kWj), bakal menikmati diskaun 40 peratus.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, **Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah**, berkata seramai 1.4 juta pengguna domestik yang menggunakan elektrik bulanan antara 201kWj hingga 300kWj pula akan mendapat diskaun 15 peratus.

Selain itu, katanya, seramai 2.4 juta pengguna domestik dengan penggunaan elektrik antara 301kWj hingga 600kWj akan menerima diskaun 10 peratus.

"Ia berdasarkan pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), pada Isnin.

"Pengumuman itu memaklumkan mengenai pemberian diskaun bil elektrik secara bersasar kepada



SHAMSUL ANUAR

da pengguna domestik dan bukan domestik di semenanjung dan Sabah," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Shamsul Anuar berkata, bagi pengguna bukan domestik di semenanjung pula, kerajaan bersetuju memberikan diskaun lima peratus kepada pengguna elektrik bawah kategori tarif komersial, industri dan pertanian di bawah voltan rendah.

"Pemberian diskaun ini diharap dapat membantu pengusaha kecil dan sederhana (PKS) mengurangkan kos operasi mereka," katanya.

Shamsul Anuar berkata, pengguna elektrik dalam enam sektor perniagaan terpilih bawah

inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) pula akan terus menerima diskaun 10 peratus dalam tempoh sama.

Katanya, diskaun bil elektrik secara bersasar kepada pengguna elektrik di semenanjung itu akan dibiayai secara bersama oleh kerajaan sebanyak RM413 juta dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan peruntukan RM50 juta.

Sementara itu, bagi pengguna elektrik di Sabah pula, beliau berkata, seramai 220,000 pengguna



domestik yang menggunakan elektrik bulanan sebanyak 200kWj dan ke bawah akan menerima diskaun 40 peratus.

Katanya, seramai 90,000 pengguna domestik yang menggunakan elektrik bulanan antara 201kWj hingga 300kWj akan menerima diskaun sebanyak 15 peratus.

"Seramai 110,000 pengguna domestik yang menggunakan elektrik bulanan antara 301kWj hingga 500kWj akan menerima diskaun 10 peratus.

"Seramai 90,000 pengguna domestik yang menggunakan elektrik bulanan antara 501kWj hingga 1000kWj akan menerima diskaun lima peratus," katanya.

Bagi pengguna bukan domestik di Sabah pula katanya, pengguna kategori komersial, industri dan pertanian bervoltan rendah akan menikmati diskaun bil elektrik lima peratus.

"Pemberian diskaun bil elektrik di Sabah dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan dengan dana berjumlah RM24 juta," katanya.

Shamsul Anuar berkata, usaha itu turut mengambil kira keputusan kerajaan untuk mengekalkan

rebab sebanyak dua sen/kWj kepada pengguna elektrik di semenanjung dengan memperuntukkan dana berjumlah RM493 juta.

Katanya, jumlah keseluruhan kos pemberian rebab di semenanjung dan diskaun elektrik di semenanjung dan Sabah ialah RM980 juta iaitu RM930 juta yang dibiayai oleh kerajaan manakala TNB, RM50 juta.

"Selain itu, kerajaan meneruskan usaha membantu rakyat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dengan kerjasama TNB.

"Ini termasuk tiada pemotongan bekalan elektrik kepada semua pengguna sepanjang tempoh PKP 3.0 Fasa 1; penangguhan pemotongan bekalan elektrik kepada pengguna domestik yang mempunyai tunggakan bil tidak melebihi enam bulan sehingga 30 September 2021.

"Selain itu, Pelan Bayaran Mudah untuk pengguna domestik ditawarkan sehingga 31 Disember 2021," katanya.

Beliau berkata, bagi pengguna di Sabah pula, pihak Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) turut melaksanakan inisiatif termasuk tiada pemotongan bekalan elektrik kepada semua pengguna sehingga 31 Julai 2021.

## PEMULIH: PM dengar suara hati rakyat

**KONGRES** Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyifatkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mendengar denyut nadir serta suara hati rakyat berikutan inisiatif yang diumumkan beliau baru-baru ini.

Muhyiddin pada Isnin membentangkan pakej bernilai RM150 bilion yang dinamakan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) untuk membantu rakyat yang terkesan dengan masalah kewangan dan kehilangan punca pendapatan.

Cuepacs dalam satu kenyataan berkata pembentangan pakej bernilai RM150 bilion itu secara jelas menunjukkan tiada pihak yang terpinggir dan tertinggal sama ada golongan B40, M40 serta T20.

"Antara perkara yang menggembirakan rakyat ialah pelaksanaan moratorium pinjaman selama enam bulan kepada semua individu tanpa syarat membolehkan rakyat merancang semula kewangan keluarga masing-masing tanpa perlu bimbang dijar oleh pihak bank," menurut kenyataan itu.

Menurut Cuepacs lagi, bantuan kewangan secara terus oleh kerajaan melalui Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan Bantuan Khas Covid (BKC) yang baru diperkenalkan serta Bantuan Kehilangan Pendapatan menunjukkan keprihatinan kerajaan dengan masalah dialami rakyat akibat impak COVID-19, yang ia juga merupakan perangsang untuk ekonomi berkembang semula.

Selain itu, Cuepacs berharap Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan kerajaan sebelum ini dapat bergerak seiring dengan pakej rangsangan yang diumumkan supaya ia memberi impak yang diharapkan

**peMulih**  
Paku Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi

**FOKUS:**  
**MENTOKONG PERNIAGAAN**

Pelaksanaan i-Citra & Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Bank

**iCITRA**

**PROGRAM I-CITRA KWSP**

Pengeluaran sehingga **RM5,000** (RM1,000/bulan bagi 5 bulan)  
Dijangka memanfaatkan **12.6 juta ahli**

Implikasi Kewangan **RM30 bilion** Permohonan mulai **15 Julai 2021**  
Pembayaran pertama dijangka **Ogos 2021**

PTPTN - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional MARA - Majlis Amanah Rakyat

Sumber : Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin

oleh semua pihak.

Cuepacs juga berharap semua rakyat dapat memberikan kerjasama menjayakan program vaksinasi kerana ia merupakan langkah terakhir untuk memastikan negara dapat keluar dari kemelut pandemik ketika ini. Kejayaan program vaksinasi akan menjadi pemangkin kepada kejayaan pakej rangsangan ekonomi dan bantuan kewangan yang dilaksanakan," menurut kenyataan

**2 PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PELAJAR**  
Nilai keseluruhan inisiatif dianggarkan **RM400 juta** untuk manfaat 1.6 juta rakyat

**3 bulan** moratorium bersasar bagi peminjam PTPTN

**6 bulan** penangguhan bayaran balik Pinjaman Pelajar Persekutuan & bayaran tuntutan ganti rugi penerima Biasiswa Persekutuan

**3 bulan** penangguhan bayaran balik Pinjaman Pelajar MARA atau penjadualan semula bayaran balik 12 bulan

**3 bulan** bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

**3 PENANGGUHAN PEMBAYARAN PREMIUM INSURANS & SUMBANGAN TAKAFUL (SECARA OPT-IN) SEHINGGA 31 DIS 2021**

**4 MORATORIUM TANPA SYARAT SELAMA ENAM BULAN KEPADA PEMINJAM INDIVIDU**  
Ditawarkan kepada pengusaha kecil & sederhana terjejas tertakluk kelulusan pihak bank

Diterbitkan : 30 Jun 2021 Infografik Bernama

itu.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Isnin mengumumkan PEMULIH berjumlah RM150 bilion yang merupakan kesinambungan daripada tujuh program bantuan dan pakej rangsangan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM380 bilion yang dilaksanakan kerajaan Perikatan Nasional sejak pandemik COVID-19 melanda negara awal tahun lepas. **WK**

## PEMULIH: Pelengkap bantuan untuk orang muda - GPMS

**PAKEJ** Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Isnin disifatkan sebagai pelan komprehensif dan pelengkap bagi membantu golongan tersebut.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), **Mohd Alif Anas Md Nor** berkata, usaha kerajaan memperluas program Elaun Mencari Pekerjaan sebanyak RM300 kepada bukan pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) terutama graduan baharu dilihat sebagai insentif sementara mendapat pekerjaan.

Katanya, GPMS juga menyokong tindakan kerajaan yang memperuntukkan RM400 juta ringgit bagi menambah bekalan vaksin untuk diberikan kepada golongan pelajar terutamanya kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Ini akan menjamin keselamatan pelajar yang akan menduduki peperiksaan besar tahun ini.

"Selain itu, kerajaan prihatin dalam memastikan data internet dapat diakses oleh golongan pelajar dengan melanjutkan inisiatif pembebasan satu gigabit data harian secara percuma sehingga 31 Disember 2021.

"Hal ini sekurang-kurangnya dapat meringankan beban ibubapa dan pelajar yang perlu menggunakan data internet dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)," katanya dalam satu kenyataan media Selasa. **WK**

# Vaksin saja tidak mampu kalahkan COVID-19

MESTIPUN sejumlah besar populasi rakyat mereka menerima suntikan vaksin, negara-negara seperti United Kingdom (UK) dan Israel tetap mencatatkan lonjakan kes COVID-19 baharu terutama disebabkan kemunculan varian Delta.

Menurut Our World in Data, 48.4 peratus dan 57 peratus penduduk United Kingdom dan Israel masing-masing telah menerima suntikan vaksin sepenuhnya.

Berdasarkan data *coronavirus.data.gov.uk*, UK mencatatkan sejumlah 22,868 kes positif pada 28 Jun dan tiga kematian pada hari yang sama.

Oleh itu, suntikan vaksin sahaja tidak mencukupi bagi mengalahkan virus ini. Pakar kesihatan awam dan ahli epidemiologi seluruh dunia menyatakan bahawa amat penting meneruskan amalan kesihatan awam yang baik, disamping proses vaksinasi.

Mengamalkan norma baharu di samping program vaksinasi mungkin satu-satunya jalan keluar berkesan dalam menghadapi wabak ini.

Penolong Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), untuk akses kepada ubat-ubatan dan produk kesihatan, Dr. Mariangela Simao dalam sidang media di ibu pejabat agensi itu di Geneva pada 25

Jun menyatakan bahawa vaksin sahaja tidak mampu menghentikan penularan dalam komuniti.

“Di saat penularan komuniti masih berlaku, masyarakat seharusnya terus mempraktikkan penggunaan pelitup muka secara konsisten, berada di kawasan dengan peredaran udara yang baik, memastikan kebersihan tangan, menjaga jarak fizikal, menghindari kesesakan, walaupun jika anda telah menerima suntikan vaksin,” Simao berkata.

Pakar kesihatan Malaysia juga mengulangi pendirian sama, seperti dibuat rakan sejawat di seluruh dunia, dengan mengatakan bahawa orang ramai harus mematuhi langkah-langkah keselamatan COVID-19 setiap masa walaupun negara ini sedang meningkatkan kadar program vaksinasi.

Prof Dr G. Jayakumar berkata suntikan vaksin dan sasaran untuk mencapai imuniti kelompok seharusnya tidak boleh dilihat sebagai perisai bagi mengurangkan pandemik, sebaliknya harus mengamalkan langkah-langkah kesihatan awam yang lain.

“Tujuannya agar kita dapat menerapkan amalan kesihatan yang baik sebagai norma dan budaya baharu dalam masyarakat.

“Harus ada kesedaran



MARIANGELA SIMAO



G JAYAKUMAR

diri bahawa dengan menjaga kebersihan tangan, mengamalkan etika batuk, menghindari tempat sesak dan memakai pelitup muka mampu mengurangkan risiko jangkitan,” kata beliau yang merupakan timbalan dekan (pra-klinikal) Fakulti Perubatan, Kolej Universiti Manipal di Melaka kepada Bernama.

Dr Jayakumar juga mengatakan perlu lebih banyak usaha dilakukan bagi membentuk kepercayaan terhadap institusi kesihatan.

“Pemimpin agama dan ketua masyarakat setempat seharusnya berkomenikasi, mendidik, meyakinkan orang ramai tentang keselamatan dan keberkesanan vaksin serta menjadi inspirasi terhadap budaya kebersihan kepada rakyat,” tambahnya.

Ketua di Jabatan Sosial, dan Terapi Pencegahan, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya Prof Dr Victor Hoe mengatakan adalah sangat penting untuk



**VAKSIN** sahaja tidak berjaya mengawal penularan COVID19 jika tidak diikuti dengan kesedaran mengenai penjagaan kesihatan yang baik di kalangan anggota masyarakat.

pihak berkuasa memberi suntikan vaksin secepat mungkin, berikutnya kemunculan varian baharu dan negara masih merekodkan jumlah jangkitan harian yang tinggi.

“Berdasarkan sifat virus yang masih berevolusi dan kemunculan varian Delta yang lebih berisiko saat ini, termasuk faktor lain seperti orang dijangkiti tidak mengalami sebarang gejala, penting bagi kita untuk memberi suntikan vaksin secepat mungkin,” katanya.

Mengambil contoh seperti di United Kingdom dan Israel, beliau mengatakan bahawa negara-negara ini masih mencatat lonjakan kes berikutnya kemunculan varian Delta, walaupun sejumlah besar populasi mereka telah diberi vaksin.

Dr Hoe bersetuju bahawa amalan

kesihatan awam mesti dipatuhi setiap saat termasuk memakai pelitup muka dengan betul setiap saat dan membersihkan tangan dengan kerap, sementara kawalan sempadan dan tempoh kuarantin yang lebih ketat mesti dilakukan bagi menekan penularan varian berbahaya seperti varian Delta.

Data Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV), pada jam 11.59 malam Isnin (29 Jun), sejumlah 7,593,179 orang di Malaysia telah divaksinasi dan 2,130,051 (6.5 peratus) daripadanya telah lengkap dua dos suntikan.

Sejumlah 16, 630,764 orang di Malaysia telah mendaftar untuk program imunisasi COVID-19 kebangsaan setakat ini.

- BERNAMA

## Penularan video bunuh diri boleh undang peniru, kata KP Kesihatan

TINDAKAN viral di media sosial video bunuh diri boleh mengundang ‘copycat suicide’ (peniru bunuh diri) bagi mereka yang berisiko, kata Ketua Pengarah Kesihatan Dr Noor Hisham Abdullah pada Selasa.

Menurut beliau, setiap individu perlu menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga kesihatan mental diri, keluarga, dan komuniti bagi menghadapi pandemik COVID-19.

“Masyarakat juga diminta untuk menghormati perasaan ahli keluarga mangsa dengan tidak merekodkan video ataupun mengedarkan gambar di media sosial tentang individu yang membunuh diri.

“Bunuh diri boleh dicegah, namun tindakan viral di media sosial boleh mengundang ‘copycat suicide’ (peniru bunuh diri) bagi mereka yang berisiko,” katanya dalam satu kenyataan media pada Selasa.



NOOR HISHAM

Jelas beliau, budaya peka dan peduli kepada keluarga sendiri, sahabat handai dan masyarakat sekeliling perlu diterapkan dan individu yang menghadapi masalah dan terkesan dengan pandemik perlu mendapatkan pertolongan serta tidak menghadapinya seorang diri.

“Adalah penting mengenal pasti perubahan tingkah laku individu seperti sentiasa kelihatan sedih dan murung, hilang minat terhadap aktiviti yang biasa dilakukan, kesukaran untuk menumpukan perhatian dan melakukan tugas harian yang biasa, mengasingkan diri daripada keluarga dan rakan, mengalami gangguan tidur dan selera makan, bertindak agresif dan kasar (abusive) kepada diri sendiri dan orang sekeliling, dan menyalah guna alkohol dan dadah,” ujarnya.

Justeru, masyarakat diminta untuk lebih cakna dan prihatin terhadap ahli keluarga dan orang sekeliling dalam mengenal pasti



**PERANAN** keluarga dan masyarakat penting untuk mengesan individu kemurungan sebagai langkah pencegahan bunuh diri.

simptom awal kemurungan yang boleh menyumbang kepada tingkah laku bunuh diri.

Selain itu, simptom awal kemurungan pula adalah seperti

wayat hidup secara verbal atau penulisan.

Malah, katanya sumber Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati terdapat peningkatan dalam kes bunuh diri yang dilaporkan pada 2020 iaitu 631 kes berbanding 609 kes pada 2019 dan sehingga Mac 2021, sejumlah 336 kes bunuh diri dilaporkan kepada PDRM.

Orang ramai juga boleh menghubungi talian bantuan sokongan yang diwujudkan seperti MHPSS di 03-29359935 atau 014-3223392; Talian Kasih 15999 / Whatsapp Talian Kasih di 019-2615999 (bagi pelbagai bantuan aduan keganasan rumah tangga dan pelbagai lagi masalah seperti penderaan); KSK-Care JAKIM di Whatsapp 0111-9598214 dan Befrienders Kuala Lumpur di talian 03-76272929.

Budaya peka dan peduli kepada keluarga sendiri, sahabat handai dan masyarakat sekeliling perlu diterapkan dan individu yang menghadapi masalah dan terkesan dengan pandemik perlu mendapatkan pertolongan serta tidak menghadapinya seorang diri.



Mahu kerjaya yang lebih terjamin

# Elena yakin pada jurulatih

AINI MAWAWI

**P**ERCAYA pada perancangan program jurulatih. Itu antara tips kejayaan yang dipegang atlet jalan kaki wanita negara, **Elena Goh Ling Yin**, 25.

Menurut atlet Wilayah Persekutuan ini, jurulatih merupakan individu yang arif tentang kemampuan serta prestasi atlet dibawah jagaan mereka.

Berkongsi pengalamannya kepada *Wilayahku*, Elena pernah diminta untuk bertanding dalam acara 20,000 meter jalan kaki sedangkan dia sepatutnya berada pada acara 10,000 meter.

“Pada 2012, ada kejohanan terbuka di Kuala Lumpur yang mana sepatutnya saya masuk dalam kategori 10,000 meter jalan kaki tetapi 45 minit sebelum perlawanan bermula, jurulatih menukar acara saya kepada 20,000 meter jalan kaki.

“Alasannya dia mahu saya bertanding dengan senior supaya saya layak untuk masuk ke dalam pelapis kebangsaan.



Saya takut sebab waktu itu tahu diri ini hanya cukup untuk latihan 10,000 meter sahaja,” ujarnya.

Namun ternyata percaturan jurulatih tersebut tidak salah. Elena mampu untuk melakukannya apabila dia muncul juara pada acara tersebut.

“Saya sendiri tidak menyangka. Bayangkan saya mampu kalahkan tiga orang senior saya ketika itu sekali gus muncul sebagai peserta terbaik. Kesimpulannya, kita mesti percaya pada jurulatih,” ujarnya.

Tambahnya lagi, selain daripada mempercayai jurulatih setiap atlet perlu turun berlatih lebih awal daripada waktu yang ditetapkan.

“Kalau tiba lebih awal, kita dapat melakukan acara pemanasan badan lebih lama daripada orang lain serta dalam masa yang sama, tidak perlu tergesa-gesa,” ujarnya yang turut berpesan agar sentiasa berdisiplin.

Kata Elena lagi, untuk berjaya dalam sesuatu perkara, seseorang atlet itu perlu rajin meminta doa daripada ibu bapa selain restu jurulatih sendiri.

“Berbuat baik kepada mereka yang

## Kejayaan Elena Goh

2019 - Sukan SEA, Filipina  
- Gangsa

2017 - Sukan SEA, Kuala Lumpur  
- Emas

2017 - Kejohanan Olahraga Tertutup Kebangsaan, Perak  
- Emas

2015 - Sukan SEA, Singapura  
- Tempat Keempat

Instagram: @elenagoh\_

banyak berjasa kepada kita, jangan ingkar arahan, sudah pasti mereka menginginkan yang terbaik buat kita,” ujarnya lagi.

Menyentuh perkembangan terbaharunya, setakat ini tiada sebarang kejohanan memandangkan negara masih berperang dengan pandemik COVID-19.

Dia yang baru sahaja menamatkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, Universiti Malaya tahun lalu berhasrat mencari pekerjaan yang stabil untuk masa hadapannya.

WK

## MSWP atur pelbagai program atlet sepanjang PKP

**PENGARAH** Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Dr Hasnul Faizal Hushin Amri mengatur pelbagai program sebagaimana pengisian buat atlet dibawah kendaliannya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini.

“Sepanjang tempoh berlangsungnya PKP, jurulatih meneruskan pemantauan sesi latihan atlet Wilayah Persekutuan dengan kini membabitkan latihan kecergasan menerusi dalam talian secara berterusan.

“Untuk tempoh terdekat ini, MSWP dalam perancangan menganjurkan tiga program termasuklah dua seminar dalam talian (*webinar*) dan juga satu pertandingan cabaran plank khususnya bagi mempelbagaikan program atlet Wilayah Persekutuan,” katanya.

Sepanjang pandemik COVID-19, Dr Hasnul Faizal berkata atlet Wilayah Persekutuan turut menerima kesannya apabila kebanyakannya tidak dapat bertanding dalam kejohanan di dalam negara mahu pun luar negara.

Oleh kerana itu, ‘WIPERS Athlete Plank Challenge 2021’ bakal dianjurkan secara dalam talian pada 3 Julai ini khususnya bagi atlet Wilayah Persekutuan untuk menguji kecergasan masing-masing dengan melakukan plank dalam tempoh yang paling lama.

“Sambutan yang diterima sangat hebat apabila pendaftaran terpaksa ditutup lebih awal berikutan penyertaan yang melebihi had maksima. Mungkin sudah lama tidak dapat rasakan suasana pertandingan, jadi ramai atlet yang mahu turut serta dalam mengisi aktiviti di rumah masing-masing,” kata Dr Hasnul Faizal.

Katanya, *webinar* pertama dibuat khas bagi atlet Bakat Sukan Wilayah (BSW) pada 10 Julai ini daripada 8.30 pagi sehingga 5.30 petang dengan tajuk ‘WIPERS Future Talent Webinar 2021’ sementara pada 11 Julai pula, atlet Sukan Prestasi Tinggi (WiJuara) pula akan turut serta dalam webinar bertajuk ‘The Effects Of Covid-19 To The Athletes From Mental and Health Implication’ yang akan bermula dari pukul 9 pagi hingga 4 petang.

“Dua *webinar* ini akan menampilkan panel tetamu yang berpengalaman luas dalam bidang masing-masing bagi berkongsi ilmu dan pengalaman dalam kepakaran mereka,” katanya.

Sesuai dengan tajuknya ‘WIPERS Future Talent Webinar 2021’, Dr Hasnul Faizal berkata, bekas pemain badminton kebangsaan yang kini Pengarah Kejurulatihan Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Wong Choon Han sudah menyatakan persetujuan

untuk menyampaikan pembentangan bertajuk ‘Kualiti Dalam Atlet Bagi Memenuhi Kehendak Jurulatih’.

Pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan - Jabatan Sains Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Madya Dr Jeffrey Low pula membentangkan ‘Perkembangan Fizikal, Motor Dan Pergerakan Asas Bagi Atlet-Atlet Baru sementara Pakar Pemakanan dari Hospital Kuala Lumpur (HKL), Zaridah Zainuri dengan topiknya Jom makan sihat.

‘The Effects Of Covid-19 To The Athletes From Mental and Health Implication’ pula menampilkan tiga pakar dari Institut Sukan Negara (ISN) iaitu Philip Lew (Pakar Psikologi) dengan kertas pembentangan ‘Kecederaan Berkaitan Situasi Covid-19 dan Cara Mengelakkannya’, Kamsina Aziz (Pakar Pemakanan) dengan tajuk ‘Cara Mengelakkan Kecergasan Dalam Pengambilan Makanan’ dan juga Gary Tan (Pakar Fisioterapi) yang akan membentangkan ‘Sasaran Dan Motivasi atlet Ketika Pandemik COVID-19’.

Pakar Perubatan Sukan dari Hospital Sultan Ibrahim Johor Bahru, Dr Ibrahim Ahmad Fuad pula akan berkongsi dua kertas pembentangan iaitu ‘Cara Mengelak Kecederaan Ketika

**WIPERS STAFF PLANK CHALLENGE**

**KATEGORI:**

1. Lelaki
2. Wanita
3. G40 Lelaki
4. G40 Wanita

**1 JULAI 2021**

Konsep pertandingan dijalankan secara maya (online) melalui platform Google Meet

Anjuran: Kelab Sukan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Jawatankuasa Kesihatan Dan Keselamatan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Latihan di Rumah’ dan juga ‘Kebaikan dan Kelemahan Latihan Kecergasan Dalam Talian’.

WK

## DBKL sasar vaksin lebih 33,000 penjaja

AZLAN ZAMBRY

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan program vaksin untuk golongan penjaja selaras dengan usaha kerajaan mempercepatkan Program Vaksinasi Nasional dan Imunisasi berkelompok.

Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan DBKL, Khairul Anuar Mhd Juri berkata, inisiatif yang dijalankan pihaknya bertujuan untuk mempercepatkan imunisasi berkelompok kepada lebih 30,000 penjaja di seluruh ibu kota.

"Inisiatif ini dikhawasukan kepada golongan penjaja kerana mereka terdedah kepada persekitaran selain akan berhadapan dengan individu-individu yang berkemungkinan menjadi pembawa kepada virus tersebut."

"Program ini juga dapat memberikan impak positif terhadap usaha melawan COVID-19 seterusnya dapat meningkatkan ekonomi golongan penjaja dengan segera," katanya kepada *Wilayahku*.

Menurut Khairul Anuar, Program Vaksinasi Penjaja Siri 1 di bawah Program MyMedic@Wilayah Mobile Vaksin bermula pada 20 Jun 2021 yang melibatkan penjaja dan pembantu Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pasar Harian Selayang.



PENJAJA yang berdaftar dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menanti giliran untuk mendapatkan vaksin masing-masing.



"Manakala Program Vaksinasi Penjaja Siri 2 dilaksanakan bermula pada 1 Julai serta dilaksanakan secara berperingkat.

"Keutamaan program ini adalah kepada penjaja yang berlesen dan berdaftar dengan DBKL," katanya.

Menjelas lanjut, Khairul Anuar berkata Program Vaksinasi Penjaja Siri 1 yang dilaksanakan pada 20 Jun lalu melibatkan seramai 2,777 orang penjaja yang telah mendapat

suntikan vaksin.

"Manakala untuk Siri 2 ini, DBKL telah merancang untuk melaksanakan program ini melalui tujuh hingga 10 sesi berdasarkan kepada dua lokasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) iaitu di PPV The Pavilion 2, Bukit Jalil dan PPV Dewan Serbaguna Bukit Damansara," katanya yang menyasarkan penglibatan kira-kira 33,057 orang penjaja berlesen di Kuala Lumpur.

Khairul Anuar berkata, untuk pemegang lesen yang berminat menyertai program ini, mereka

dikehendaki mendaftar secara dalam talian (*online*) melalui Portal eLesen DBKL.

"Sekiranya ada dalam kalangan penjaja yang telah menerima temu janji melalui aplikasi MySejahtera, maka mereka tidak dibenarkan untuk mendaftar dan mengikuti program ini," katanya.

Khairul Anuar berkata, pihaknya menjalinkan kerjasama dengan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bagi menjayakan program tersebut.

"Kami turut mengadakan promosi dan hebahan program melalui media massa dan media cetak dan pemilihan lokasi PPV yang strategik dan sesuai bagi memudahkan penjaja untuk mendapatkan vaksin masing-masing.

"Setakat ini, sambutan dari penjaja berlesen amat menggalakkan dan kami akan mencapai sasaran ditetapkan dan seterusnya dapat mengerakkan ekonomi selaras dengan hasrat Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annur Musa," ujarnya. WK



## Industri kreatif kembali, terima kasih PM - Mas Anizan

DEEL ANJER

**PELAKON** popular Mas Anizan menarik nafas lega apabila Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Paket Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang memperuntukkan RM100 juta bagi industri seni dan kreatif tempatan.

Bagi pemilik nama sebenar **Mas Anizan Mohamed Shahid**, 48, peruntukan itu mampu merangsang ekonomi dan merancakkan semula industri kreatif.

"Terima kasih PM (Perdana Menteri). Pengumuman peruntukan ini adalah berita baik untuk industri kreatif dan menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kesusahan hidup anak seni."

"*Insya-Allah*, selepas ini industri akan kembali rancak dengan penghasilan pelbagai bahan penerbitan dan ini sekali gus mewujudkan banyak peluang pekerjaan."

"Saya amat bersyukur kerana

akhirnya kami mempunyai harapan untuk kembali bekerja walaupun belum pasti bila dibenarkan," luah Mas Anizan yang berharap penggiat seni dapat bekerja dalam masa terdekat.

Menurut pelakon drama bersiri Sara Sajeeda ini, ramai anak seni yang sudah tidak dapat bertahan jika aktiviti penggambaran masih 'dibekukan'.

Lahunya, kebanyakan penggiat seni bergantung penuh kepada industri kreatif, oleh itu tidak pasti berapa lama dapat bertahan dengan keadaan semasa ini.

Ujarnya lagi, mungkin ada sebahagiannya membuat bisnes kecil-kecilan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, namun ia tidak cukup untuk melunaskan komitmen yang telah dibuat sebelum ini.

"Kalaular kami dibenarkan buat penggambaran dalam masa terdekat diikuti syarat-syarat atau SOP (prosedur operasi standard) yang ditetapkan oleh kerajaan, sudah tentu ia memberi semangat kepada kami untuk meneruskan kelangsungan hidup," luahnya lagi.

BENDERA PUTIH USAHA MURNI

Dalam pada itu, Mas Anizan juga bersetuju dengan idea mengibarkan bendera putih bagi mengenali pasti individu atau keluarga yang susah dan memerlukan bantuan.

Ini kerana katanya, idea itu bukan hanya bagus malah membolehkan lebih ramai individu terjejas dan kesusahan dikesan selain memudahkan bantuan disalurkan dengan segera.

"Saya berasa sedih sangat apabila mendengar pelbagai kejadian yang tidak sepatutnya berlaku seperti bunuh diri, jenayah rompak dan banyak lagi."

"Semoga amalan mengibarkan bendera putih ini dapat meringankan beban dan tekanan yang dihadapi oleh masyarakat."

"Semangat saling membantu dan muafakat ini *insya-Allah* membuatkan hidup kita semua lebih diberkati dan sentiasa dalam lindungan-Nya," jelasnya lagi. WK